LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT

# 2011

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

www.pustaka-sarawak.com

PUSTAKA NEGERI SARAWAK
3 2000 001155925
27.50959522 PUS

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

# Kandungan
## *Content*


### BAHAGIAN A / *PART A*

3 Latar Belakang Pustaka / *Pustaka Background*
4 Perutusan Pengerusi / *Message from the Chairman*
6 Carta Organisasi / *Organizational Chart*
7 Maklumat Korporat / *Corporate Information*
7 Lembaga Pengurusan / *The Board of Management*
9 Pihak Pengurusan / *The Management Staff*
10 Pustaka Negeri Sarawak, Kuching
11 Pustaka Miri
12 Sektor Perkhidmatan Perpustakaan / *Library Services Sector*
12 Sektor Perkhidmatan Depositori / *Depository Services Sector*
13 Sektor Pengurusan Korporat / *Corporate Management Sector*
13 Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi / *Information & Communication Technology Sector*
14 Bahagian Penyelidikan & Pembangunan / *Research & Development Division*
14 Audit Dalaman / *Internal Audit*

### BAHAGIAN B / *PART B*

16 Sorotan Utama Korporat / *Corporate Highlights*
17 Aktiviti – aktiviti Pustaka / *Activities Around Pustaka*
31 Pencapaian Penyerahan Bahan / *Legal Deposits Highlights*

### BAHAGIAN C / *PART C*

34 Ringkasan Statistik Korporat / *Corporate Statistical Summary*

### BAHAGIAN D / *PART D*

43 Pencapaian Aktiviti Staff / *Staff Activity Highlights*

### BAHAGIAN E / *PART E*

46 Penyata Kewangan / *Financial Statements*



### PUSTAKA NEGERI SARAWAK (*SARAWAK STATE LIBRARY*)

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944

### PUSTAKA MIRI (*PUSTAKA MIRI*)

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 085 422525 | Fax: 6 085 414444

### REPOSITORI REKOD NEGERI (*STATE RECORDS REPOSITORY*)

Jalan Sultan Tengah, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 440488 | Fax: 6 082 440484

Email: librarian@sarawaknet.gov.my
Website: www.pustaka-sarawak.com



# BAHAGIAN A / *PART A*


Latar Belakang Pustaka / *Pustaka Background*

Perutusan Pengerusi / *Message from the Chairman*

Carta Organisasi / *Organizational Chart*

Maklumat Korporat / *Corporate Information*

Lembaga Pengurusan / *The Board of Management*

Pihak Pengurusan / *The Management Staff*

Pustaka Negeri Sarawak, Kuching

Pustaka Miri

Sektor Perkhidmatan Perpustakaan / *Library Services Sector*

Sektor Perkhidmatan Depositori / *Depository Services Sector*

Sektor Pengurusan Korporat / *Corporate Management Sector*

Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi / *Information & Communication Technology Sector*

Bahagian Penyelidikan & Pembangunan / *Research & Development Division*

Audit Dalaman / Internal Audit



6/2/2013

# Latar Belakang Pustaka
## *Pustaka Background*







### VISI / *VISION*

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.

*To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.*

### MISI / *MISSION*

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.

*To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.*

### OBJEKTIF / *OBJECTIVE*

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.

*To promote acculturation of knowledge in the State.*

### SASARAN / *TARGET*

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui Pustaka Negeri Sarawak.

*To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.*

# Perutusan Pengerusi
# *Message from the Chairman*



Selamat datang ke Laporan Tahunan Pustaka Negeri Sarawak 2011. Bagi pihak Lembaga Pengurusan Perpustakaan, saya dengan sukacitanya membentangkan laporan aktiviti-aktiviti dan prestasi bagi tahun 2011. Fokus organisasi kami untuk tahun 2011 adalah "PERPUSTAKAAN BERTARAF DUNIA", tema yang diperolehi hasil dari Sesi Perancangan Strategik pada Januari 2010. Bagi mencapai objektif ini, kami perlu melakukan ulasan berkala untuk proses dan kaedah kami sebagai tindak balas kepada perpustakaan semasa dan trend pengaksesan maklumat. Kepentingan kami ialah mendengar dan memberi tindakbalas kepada keperluan komuniti perpustakaan yang dihormati dan juga masyarakat umum. Maklumbalas mereka adalah penting untuk penetapan rancangan dan pelaksanaan kami.

Walaupun terdapat cabaran pada masa lalu, terdapat juga pelbagai pencapaian kerjasama diadakan. Hubungan sama antarabangsa *InterPARES International Joint, 5th Summit & Symposium* telah diadakan di Pustaka Negeri Sarawak pada 16-18 Jun 2011.Tema bagi Projek InterPARES 3 ialah "*Preserving Authentic Records in the Digital Environment : Preliminary Findings of the InterPARES 3 Project*". Pada bulan Mei, Pustaka juga menerima koleksi peribadi Allahyarham Datuk Haji Mortadza bin Haji Daud yang merupakan bekas Mufti Sarawak. Ia mengandungi 23 manuskrip. Terdapat juga pameran yang amat bermakna dan salah satu pameran tersebut ialah "Mengingati Anthony ". Mendiang Anthony Brooke adalah Rajah Muda Sarawak semasa pemerintahan Brooke di Sarawak.

Repositori Negeri kami juga akan berterusan memelihara warisan dokumentari Sarawak untuk manfaat generasi masa kini dan masa hadapan. Walaubagaimanapun koleksi tradisional tetap penting untuk kami kekalkan, kecekapan yang diperolehi daripada persekitaran digital telah membuka peluang baru bagi kami untuk menyokong pengajaran, pembelajaran dan aktiviti penyelidikan.. Walaupun trend global mencatatkan penurunan dalam penggunaan perpustakaan kerana kemunculan media sosial dan lain-lain penambahan yang popular, sebanyak 319,777 pengunjung telah melawat Pustaka pada tahun 2011.

Saya bersama ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan Pustaka Negeri Sarawak berharap untuk terus memberi khidmat kepada pengguna kami dan menjadi sebuah perpustakaan yang bergerak ke arah masa depan yang lebih mencabar. Bantuan dan sokongan yang berterusan dari anda amat kami perlukan dan kami yakin maklumbalas dan penelitian anda ke atas prestasi kami amat bernilai kepada kami pada masa akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada anda semua atas sokongan dan galakan yang berterusan. Saya yakin dan percaya bahawa kejayaan Pustaka pada hari ini merupakan hasil daya usaha baik dan sumbangan anda semua. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan-rakan saya dalam Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak atas kerjasama dan kesetiaan mereka untuk berkhidmat.

Akhir sekali, untuk pakej laporan komprehensif kami, layari laman web kami di www.pustaka-sarawak.com. Anda juga boleh berinteraksi dengan kami melalui laman sosial Facebook Pustaka Negeri Sarawak atau mengikuti kami di Twitter.



**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo**
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak

# Perutusan Pengerusi
## *Message from the Chairman*

*Welcome to Pustaka Negeri Sarawak's 2011 Annual Report .On behalf of the Library Board of Management, I am pleased to present this report on our activities and performance for 2011. Our organizational focus for 2011is "A WORLD CLASS LIBRARY" a theme that was derived from the Strategic Planning Session in January 2010. To achieve this objectives, we did periodic reviews of our processes and methods in response to current library and information access trends. More importantly, we listened and responded to the needs of our valued Library community and the public at large. Those feedbacks were critical for setting both our plan and its implementation.*

*Despite the challenges as in the past, there were various collaborative achievements. The InterPARES International Joint, 5th Summit & Symposium at Pustaka Negeri Sarawak was held on 16 – 18 June 2011.The theme for InterPARES 3 Project was "Preserving Authentic Records in the Digital Environment: Preliminary Findings of the InterPARES 3 Project". In May, Pustaka also received a private collection of the late Datuk Haji Mortadza bin Haji Daud, former Mufti of Sarawak. It contained 23 manuscripts. We held several significant exhibitions too, one of which was " "Remembering Anthony". The late Anthony Brooke was the Rajah Muda of Sarawak during the Brooke's reign in Sarawak.*

*Our State Repository continues to preserve the documentary heritage of Sarawak for the benefit of present and future generations. While traditional collections remain very important to us, the efficiencies gained from a digital environment have opened up new opportunities for us to support the teaching, learning, and research activities. Despite the global declining trend in library usage due to the emergence of social media and other popular supplements, a total of 319,777 visitors walked through Pustaka's door in 2011.*

*The Board Members, Staff of Pustaka Negeri Sarawak and I look forward to continue working with our users, stakeholders and the information users at large as the Library moves into the even more challenging future. We need your continuing help and support; and we are fully confident that you will respond in the future as you have in the past and at the same time providing us with a valuable mechanism for feedback and scrutiny on our performance.*

*I take this opportunity to express my sincere thanks to all of you for continued support and encouragement. I believe that Pustaka is successful through the good will and contributions from you all. I also offer my appreciation and thanks to all my colleagues in the Board of Management, Pustaka Negeri Sarawak for their co-operation and devotion to work.*

*Finally, this annual report should not be read on its own, but for our comprehensive reporting package, do visit us at www.pustaka-sarawak.com. Please interact with us at our Facebook Pustaka Negeri Sarawak or follow us on Twitter.*



*YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo*
*Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak*

# Carta Organisasi
## *Organizational Chart*



# Maklumat Korporat / *Corporate Information*
## Lembaga Pengurusan / *The Board Management*



**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo**
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak
*Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak*



**YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
*Sarawak State Secretary*



**YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen**
Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA, Sarawak
*Senior Lecturer MARA University of Technology, Sarawak*



**Encik Sunny Si**
Peguambela & Peguamcara
Pesuruhjaya Sumpah
Tetuan Si dan Rakan-Rakan
*Si & Associates*
*Advocates & Solicitors*
*Commissioner for Oath*

# Maklumat Korporat / *Corporate Information*
## Lembaga Pengurusan / *The Board Management*



**YBhg. Prof. Dr. Fatimah Abang**
Timbalan Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
*Deputy Vice Chancellor*
*Universiti Malaysia Sarawak*



**Cik Lucy Wong**
Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Perhubungan Korporat
Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)
*Head, Business Development & Corporate Communications*
*Sarawak Information Systems Sdn. Bhd*



**YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
*Director General*
*National Library of Malaysia*

# Pihak Pengurusan
# *The Management Staff*



**Japri Bujang Masli**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
*Acting Chief Executive Officer*



**Nesly Rebid**
Ketua Sektor Pengurusan Korporat
*Head of Sector, Corporate Management*



**Hayati Sabil**
Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
*Head of Sector, Library Services*



**Wan Mazli Wan Razali**
Ketua Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi
*Head of Sector, Information & Communication Technology*



**Arpah Adenan**
Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori
*Head of Sector, Depository Services*

# Pihak Pengurusan
# *The Management Staff*



**Japri Bujang Masli**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
*Acting Chief Executive Officer*



**Nesly Rebid**
Ketua Sektor Pengurusan Korporat
*Head of Sector, Corporate Management*



**Hayati Sabil**
Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
*Head of Sector, Library Services*



**Wan Mazli Wan Razali**
Ketua Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi
*Head of Sector, Information & Communication Technology*



**Arpah Adenan**
Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori
*Head of Sector, Depository Services*

Pustaka Negeri Sarawak
Sarawak State Library



**Barisan Hadapan, Dari Kiri / *Front Row, From Left***

Hayati Bt. Hj. Sabil (Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan / *Sector Head Library Services*), Arpah Bt. Adenan (Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori / *Sector Head , Depository Services*), Japri Bujang Masli (Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif / *Acting Chief Executive Officer*), Nesly Rebid Abdullah (Ketua Sektor Pengurusan Korporat / *Sector Head, Corporate Management*), Syeeida Bt. Ali Hussein, Dayangku Horiah Bt. Awang Gani

**Barisan Pertama, Dari Kiri / *First Row, From Left***

Musa Bin Ayub Abdul Rahman, Nor Juliet Bt. Abdullah, Drang Jite, Shafinaz Afidia Andrew Affendy, Haspidawati Binti Bujang, Zuriawati Bt. Mohd. Laili, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Laurena Aloh, Alya Faeeqah Bt. Hamali, Norzihan Abdullah, Natalia Muhamad. Masni Bt. Morshidi, Arman B. Chee, Jimmy John, Tonny Sherben

**Barisan Kedua, Dari Kiri / *Second Row, From Left***

Ian Huchinson Peter, Suhaili B. Hj. Morsidi, Fatimah Binti Yahya, Rina Ak. Rimong, Sharifah Seria Bt. Wan Razali, Norhilawaty Bt. Ismail, Chai Yeu Shaw, Ammie Syarina Binti Mohammad Jelani, Freda Bt. Padel, Siti Khairunnisa Rosli, Siti Fairose binti Kamel Mohidin, Ismewatti Hj. Narawi, Amirewady @ Amir Hamzah B. Hj. Ahmad, Henry Leo Lee Kuang, Maurice Braoh, Cyprian Eldred Ak Rossem, John Ak Nyo-em, Daut B. Bogol, Mohammad Sukaimi Bin Haji Bujang

**Barisan Ketiga, Dari Kiri / *Third Row, From Left***

Razak B. Hj. Rambili, Ainie Umairah Lee Abdullah, Aidashermilla Bt. Hashim, Siti Munirah Bt. Idris, Nur Ashikin B. Ahmad, Mohd. Nazari B. Razali, Mohammad Aidiq Bin Aidi, Mohammad Lokman Bin Hamzah, Veronica Edward Sidi, Zuraidah Bt. Mat, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Suria Sonia Abdullah, Edison Ak Ricket, Sehih bin Lui, Muhamad Ali B. Abdul Wahab, Bronny Lawrence Nawe, Izaruddin Moss, Mohd. Nazzim B. Zainuddin, Kian Ak Tungku

## Pustaka Miri
*Pustaka Miri*



**Barisan Hadapan, Dari Kiri / *Front Row, From Left***
Norfadila Sukardi, Ramaliza Rakawi, Lilian Baun Pulo, Ahmad Samsudin, Japri Haji Bujang Masli, Salina Haji Zawawi, Kabery Sinau, Mohammad Rasyeddin Abdul Karim, Fazrul Sapiee.

**Barisan Pertama, Berdiri, Dari Kiri / *First Row, Standing, From Left***
Masni Abdullah, Nur Alia Qaytrina Sim, Mastijah Mohamed, Norfaezan Abd. Jalil, Sofina Tan Sofian Tan, Suzanna Abdullah, Mohamad Al-Hafiz Shahran, Abd. Rahman Abd. Rahim, Yusri Bujang.

**Barisan Belakang, Berdiri , Dari Kiri / *Back Row, Standing, From Left***
Jamilah Juli, Georgiana Usun Jok, Khuzainah Khalid, Abd. Aziz Haji Bujang, Norayah Adenan, Mornira Morris, Zuwahir Ilias, Abd. Aziz Haji Kassim, Muhd. Zaidi Zulkiflee, Nur Aiman Nicholas Luyoh, Mohd. Afis Mohd. Adenan, Awang Yunos Awang Husain.

## Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
## *Library Services Sector*



**Duduk , Di Hadapan Dari Kiri / *Seated, From Left***
Mohammad Nizam Abang Takip, Kian Ak Tungku, Izaruddin Moss, Hayati Bt. Hj. Sabil (Ketua Sektor/ *Sector Head*), Dayangku Horiah Bt. Awang Gani, Edison Ak Ricket.

**Barisan Pertama , Berdiri, Dari Kiri / *1st Row Standing, From Left***
Aidashermilla Bt. Hashim, Siti Munirah Bt. Idris, Zuraidah Bt. Mat, Siti Fairose binti Kamel Mohidin, Veronica Edward Sidi, Nur Syamimi Abdullah, Rina Ak. Rimong, Mckinley Davis Gerijih, Ainie Umairah Lee Abdullah, Drang Jite, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Chai Yeu Shaw, Sharifah Seria Bt. Wan Razali, Siti Zalilah Binti Abang Zaidi, Norlailawaty Bt. Ismail, Awang Affizan B. Awang Maulana, Alvaena Ak Valentine, Fatimah Binti Yahya, Sarinah Bt. Kassim.

**Berdiri, Barisan Belakang Dari Kiri / *Standing, Back Row, From Left***
Amirewady @ Amir Hamzah B. Hj. Ahmad, Suhaili B. Hj. Morsidi, Muhamad Ali B. Abdul Wahab, Herrie Sulliano B. Mohamad, Henry Leo Lee Kuang.

## Sektor Perkhidmatan Depositori
## *Depository Services Sector*



**Duduk, Di Hadapan Dari Kiri / *Seated, In Front ,From Left***
Arpah Bt. Adenan ( Ketua Sektor/ Sector Head ), Shafinaz Afidia Andrew Affendy , Rozana Octavia, Vincent Ak Jinap

**Berdiri, Barisan Belakang, Dari Kiri / *Standing, Back Row, From Left***
John Ak Nyo-em, Jimmy John, Daut B. Bogol , Roszan Bt. Nawi , Jassalini Bt. Jamain.

## Sektor Pengurusan Korporat
## *Corporate Management Sector*



**Duduk, Di Hadapan Dari Kiri** / ***Seated, From Left***
Norzihan Abdullah, Cyprian Eldred Ak Rossem, Masni Bt. Morshidi, Zuriawati Bt. Mohd. Laili, Arman B. Chee, Siti Munirah Bt. Idris , Anita Binti Hamdan, Nur Ashikin B. Ahmad

**Berdiri, Barisan Belakang, Dari Kiri** / ***Standing, Back Row, From Left***
Syeeida Bt. Ali Hussein, Alya Faeeqah Bt. Hamali, Siti Khairunnisa Rosli, Mohammad Lokman Bin Hamzah, Haspidawati Binti Bujang, Sehih bin Lui, Mohammad Aidiq Bin Aidi , Mohd. Nazari B. Razali, Mohd. Nazzim B. Zainuddin, Razak B. Hj. Rambili, Mohamed Ismauli B. Abdul Wahab, Idris B. Morni, Suria Sonia Abdullah, Ismewatti Hj. Narawi, Ammie Syarina Binti Mohammad Jelani, Laurena Aloh, Nesly Rebid Abdullah ( Ketua Sektor/ *Sector Head* )

## Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi
## *Information & Communication Technology Sector*



**Barisan Hadapan, Dari Kiri** / ***Front Row, From Left***
Ian Huchinson Peter, Nor Juliet Bt. Abdullah , Wan Mazli Bin Wan Razali (Ketua Sektor / *Sector Head*), Jimmy John , Freda Bt. Padel, Mohammad Sukaimi Bin Haji Bujang

**Barisan Belakang, Dari Kiri** / ***Back Row, From Left***
Fairul Azli Bin Banchit, Tonny Sherben, Musa Bin Ayub Abdul Rahman, Zainal Bin Ali

## Bahagian Penyelidikan & Pembangunan
## *Research & Development Division*




**Kiri** / ***Left***
Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad

**Kanan** / ***Right***
Natalia Muhamad

## Audit Dalaman
## *Internal Audit*



Maurice Braoh



# BAHAGIAN B / *PART B*

Sorotan Utama Korporat / *Corporate Highlights*

Aktiviti – aktiviti Pustaka / *Activities Around Pustaka*

Pencapaian Penyerahan Bahan / *Legal Deposits Highlights*

# Soroton Utama Korporat
# *Corporate Highlights*





## ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK 2011

Pustaka Negeri Sarwak (Pustaka) telah turut serta dalam anugerah berprestij Perkhidmatan Awam ini, 4 tahun berturut-turut. Anugerah ini merupakan yang tertinggi diberikan kepada Sektor Awam Negeri bagi usaha dalam mengamal serta mengekalkan kecemerlangan menyeluruh dalam organisasi dan memiliki keupayaan bagi menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan. Tahun ini, Pustaka mengemukakan laporan tahun 2010 dan telah disenarai pendekkan di antara 20 organisasi teratas. Laporan yang dikemukakan mengetengahkan inisiatif serta strategi yang telah dilaksanakan untuk memenuhi standard organisasi bertaraf dunia. Tujuh atribut organisasi bertaraf dunia yang dipelopori oleh Clem Sunter telah diguna pakai. Pembentangan kepada panel hakim telah diadakan pada 24 Mei 2011. Walau bagaimanapun, proses pemilihan terakhir telah dilakukan melalui satu lagi penyenaraian pendek oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti, Jabatan Ketua Menteri. Tinjauan tapak turut dilakukan oleh panel hakim.

## *SARAWAK STATE CIVIL SERVICE AWARDS 2011*

*For 4 consecutive years Pustaka had participated in this prestigious Civil Service award. This award is the highest recognition given to the State Public Sectors for their efforts in practicing and sustaining total excellence across the organizations as well as possessing the ability to deliver quality service and value to customers thus providing excellent service delivery and value. This year, Pustaka submitted its 2010 report and was among the twenty other agencies short-listed. The report highlighted the initiatives and strategies, which Pustaka had taken in order to meet the standards of a world-class organization. The 7 characteristics of a world-class organization purported by Clems Hunter were adopted. Presentation to a panel of judges was staged on 24 May 2011. However, the final process of selection will be done by another round of short – listing by the Human Resource Development and Quality Unit of the Chief Minister's Department and a site visit will also be conducted.*





## PRODIGY 6 DI KONVENSYEN KIK PERPUSTAKAAN SEMALAYSIA KE-3

Pasukan Prodigy 6 telah mewakili Pustaka dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan SeMalaysia Ke-3 yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman. Konvensyen 3 hari tersebut telah berlangsung pada 10 dan 11 Jun 2011 dan tuan rumah bagi tahun 2011 adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. Prodigy 6 yang dianggotai oleh Ahmad Samsudin (Ketua), Izaruddin Moss, Abdul Aziz Bujang, Suzanna Abdullah, Jamilah Juli dan Norayah Adenan telah membentangkan projek mereka yang bertajuk "Masalah Pengiraan Koleksi Perpustakaan Yang Tidak Efisien". Mereka telah diiringi oleh fasilitator Sofina Tan Sofian Tan serta Jawatankuasa Inovasi (KIK) Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad dan Siti Khairunnisa Rosli. Turut hadir untuk memberi sokongan adalah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka, Japri Haji Bujang Masli. Meskipun tidak memenangi sebarang tempat utama di konvensyen berkenaan, Prodigy 6 telah menunjukkan peningkatan prestasi yang amat baik dan persembahan yang dilakukan berjalan dengan lancar. Pasukan Whopedia (Perpustakaan BERNAMA) telah menjuarai konvensyen tersebut sementara pasukan KLIK (Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia) dan SOLVE (Perpustakaan Tun Razak, Universiti Teknologi MARA) masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga. Konvensyen seterusnya akan diadakan di negeri Terengganu Darul Iman.

## *PRODIGY 6 AT THE THIRD MALAYSIAN LIBRARIES ICC CONVENTION*

*Prodigy 6 represented Pustaka at the Third Malaysian Libraries Innovative and Creative Circle (ICC) Convention, held at a famous hotel in Langkawi, Kedah Darul Aman. The 2 day convention was held from 10 – 11 June 2011 and hosted by the Kedah Public Library Corporation. Prodigy 6 comprised of Ahmad Samsudin (Leader), Izaruddin Moss, Abdul Aziz Bujang, Suzanna Abdullah, Jamilah Juli and Norayah Adenan. They presented a project entitled telah "Masalah Pengiraan Koleksi Perpustakaan Yang Tidak Efisien". The team was accompanied by Sofina Tan SofianTan, their facilitator, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Innovation Committee (ICC) and Siti Khairunnisa Rosli. The Pustaka's Acting Chief Executive Officer, Japri Bujang Masli, was also there to give moral support to Prodigy 6. Though the group did not win any award, it had demonstrated good performance and presentation. Team Whopedia of BERNAMA Library won the first place, while Team KLIK of Tun Sri Lanang Library, National University of Malaysia won the second place and Team SOLVE of Tun Razak Library, MARA University of Technology won the third place. The next convention is to be held in Terengganu Darul Iman.*





## MAJLIS PELANCARAN PUSTAKA 1 MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Pustaka dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengadakan Majlis Pelancaran Pustaka 1 Malaysia Peringkat Negeri Sarawak bertempat di Pustaka pada 30 Jun 2012. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah yang mewakili Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud. Majlis ini bertujuan untuk merasmikan perkhidmatan u-Pustaka yang terdapat di Pustaka. Pustaka adalah di

antara 8 perpustakaan yang menganggotai Konsortium u-Pustaka. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang majlis ini adalah pertunjukkan teater dari Kumpulan Kias Kasturi dan pertandingan fotografi yang bertemakan "Perpustakaan Untuk Semua". Bersempena dengan majlis pelancaran ini satu sesi bicara filateli yang bertajuk "Setem Era Pemerintahan Brooke" oleh Dato' Pahlawan Anuar Bashah yang juga merupakan Presiden Persatuan Filateli Malaysia turut diadakan. Pustaka turut mengundang Chai Foh Chin, pengumpul koleksi setem untuk mengadakan pameran setem. Secara tidak langsung, pameran setem ini dapat memberi maklumat dan pendedahan kepada orang ramai tentang jenis-jenis setem yang sukar didapati di mana-mana pada masa kini. Semasa majlis pelancaran ini diadakan, Pustaka turut mengadakan pameran koleksi dan perkhidmatan yang terdapat di Pustaka bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak kepada umum. Beberapa agensi lain yang turut mengadakan pameran adalah SKMM, Pos Malaysia, TechInovasi Sdn. Bhd., Maxis Berhad dan Celcom Axiata Berhad.

### *OFFICIAL LAUNCH OF THE STATE LEVEL PUSTAKA 1 MALAYSIA*

*Pustaka with the cooperation of the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) had officially launched the Pustaka 1 Malaysia on 30 June 2012. The event was officiated by YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, representing the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud. The official launch was to mark the commissioning of U-Pustaka services of Pustaka. Pustaka is one of the 8 libraries in the u-Pustaka Consortium. Among the side events held during the official launch were teater show by Kumpulan Kias Kasturi, photography competition with the theme "Library for All" and philately talk entitled "Stamps of the Brooke Era" by Dato' Pahlawan Anuar Bashah, President of the Philately Association of Malaysia. In another side vent, Chai Foh Chin, a stamp collector was invited to exhibit his stamp collection. The exhibition provided information on various hard-to-get and rare postal stamps that were once used. During the official launch, Pustaka held exhibition on its various collections of library materials and services. Other agencies such as Pos Malaysia, MCMC, TechInovasi Sdn. Bhd., Maxis Berhad and Celcom Axiata Berhad also took part in the exhibition.*

## Aktiviti-aktiviti Pustaka
## *Activities Around Pustaka*





### CERAMAH KESIHATAN HOLISTIK DARI SUDUT PEMAKANAN

Ceramah bertajuk "Kesihatan Holistik dari Sudut Pemakanan" oleh Puan Azwallinda Mohd. Daud dari Pusat Kesihatan Kumpulan Bersatu Bumi Perak telah diadakan pada 27 Januari 2011 di Pustaka. Ceramah ini bertujuan untuk membekalkan informasi kesihatan dari sudut pemakanan dan penyediaan makanan secara sihat kepada masyarakat. Di samping itu, kupasan mengenai profil kehidupan sihat dan bagaimana mengaplikasikan diet sihat dalam kehidupan seharian turut diutarakan. Ini adalah kerana amalan kesihatan menyeluruh atau holistik amat penting dalam mengembalikan dan mengekalkan keseimbangan di dalam kehidupan seharian. Kesihatan adalah satu isu yang penting dan individu yang sihat boleh memainkan peranan yang efektif dalam pembangunan masyarakat dan negara.

### *TALK ON FOOD ASPECTS OF HOLISTIC HEALTH*

*A talk entitled "Kesihatan Holistik dari Sudut Pemakanan" by Azwallinda Mohd. Daud from Pusat Kesihatan Kumpulan Bersatu Bumi Perak was held on 27 January 2011 at Pustaka. The talk highlighted information on food and nutritional aspects of health and on the preparation of a healthy diet. She also touched on healthy lifestyle and the application of healthy diet. Holistic health is crucial in rejuvenating and maintaining balance in daily life. Health is very important because a healthy person can play an effective role in community development and nation building.*





### DUTA JONES MELAWAT DAN MEMBERI CERAMAH DI PUSTAKA

Pada 17 Februari 2011, Duta Jones telah berceramah kapada 155 orang pelajar, ahli perniagaan, pegawai Kerajaan Negeri, wakil pertubuhan bukan kerajaan dan wartawan di Pustaka. Fokus ceramah beliau adalah kerjasama di antara Amerika Syarikat dengan Malaysia dan Sarawak. Beliau membincangkan isu-isu seperti hubungan ekonomi dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, perubahan terbaharu dalam hubungan politik kedua-dua negara, dan hubungan baik di antara rakyat Amerika Syarikat dengan penduduk di Sarawak. Turut dikupas adalah inisiatif sedia ada dan terkini yang wujud dalam hubungan Amerika Syarikat-Malaysia seperti pembelajaran Bahasa Inggeris, kerjasama alam sekitar dan saintifik, komitmen bersama dalam memelihara biodiversiti serta warisan budaya Sarawak untuk generasi akan datang. Ceramah tersebut telah turut disiarkan secara lintas langsung melalui Webinar di http://webinar.u-library.gov.my/pustaka170211 untuk membolehkan penduduk Malaysia menyaksikannya secara maya.

### *AMBASSADOR JONES VISIT AND TALK AT PUSTAKA*

*On 17 February 2011, Ambassador Jones spoke before an audience of over 155 people comprising of students, business people, Sarawak state officials, NGO reps and journalists at Pustaka. His talk was focused on the United States' partnership with Malaysia and Sarawak. In his remarks, the Ambassador discussed various issues such as economic ties between Malaysia and the United States, recent changes in our political relationship, and the friendship between Americans and the people of Sarawak and its rich history. The Ambassador also discussed new and existing initiatives afoot in US-Malaysia relations, including English teaching, environmental and scientific cooperation, and our shared commitment towards preserving Sarawak's biodiversity and cultural heritage for future generations. The talk was also broadcast live virtually via Webinar at http://webinar.u-library.gov.my/pustaka170211, enabling people across Malaysia to attend the talk "virtually".*



## KEJAYAAAN PROGRAM KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT KOMUNITI

Pustaka Miri dengan kerjasama Majlis Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) telah dengan jayanya menganjurkan Program Kemahiran Literasi Maklumat Komuniti. Program tersebut telah diadakan dalam dua sesi, iaitu Sesi 25 – 26 Februari dan Sesi 11 – 12 Mac. Peserta program datangnya dari kawasan bandar, persisir dan luar bandar Miri. Kebanyakan mereka adalah suri rumah dan mereka yang bekerja dari rumah. Tujuan utama program ini adalah untuk memperkasakan kemahiran literasi maklumat peserta, terutama sekali wanita dan untuk menggalakkan mereka mempelajari kaedah-kaedah baru untuk berkomunikasi melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Majlis perasmian program telah disaksikan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka; Cik Salina Zawawi, Pengurus Wilayah, Pustaka Miri; dan Puan Elizabeth Deng, Ketua Pergerakan Wanita, PBB Telang Usan.

### *COMMUNITY INFORMATION LITERACY SKILLS PROGRAM A SUCCESS*

*Pustaka Miri, in collaboration with the Women Movement Council of Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Telang Usan, had successfully conducted and completed the Community Information Literacy Skills Program. The program was conducted in 2 separate sessions on 25 - 26 February and 11 - 12 March 2011. The participants consisted of those from the urban, suburban and rural areas around Miri. Most of them were housewives and those working from home. The objective of the program was to enhance the information literacy skills, particularly amongst women to encourage them to learn ways to communicate and reach out via information and communications technology. The ceremony was also witnessed by the Acting Chief Executive Officer of Pustaka, Encik Japri Haji Bujang Masli Regional Manager of Pustaka Miri, Cik Salina Zawawi and Head of PBB Telang Usan's Women Movement Council, Puan Elizabeth Deng.*





## KEJOHANAN CATUR IND VIDU DALAM PASUKAN MSS BAHAGIAN KUCHING 2011

Jawatankuasa Teknikal Catur Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSS) Bahagian Kuching, Pejabat Daerah Padawan, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dengan kerjasama Pustaka telah mengadakan Kejohanan Catur Individu Dalam Pasukan MSS Bahagian Kuching 2011 pada 2 - 3 Mac 2011 Pustaka. Objektif kejohanan adalah untuk mengenalpasti pemain-pemain catur berumur 12, 13 dan 18 tahun ke bawah yang berkebolehan dan berpotensi bagi membentuk sebuah pasukan catur MSS Bahagian Kuching yang mantap sebagai persediaan menghadapi Kejohanan Catur Peringkat Negeri Sarawak yang akan berlangsung di Bahagian Limbang pada 3 - 5 Mei 2011. Usaha sama sebegini adalah bagaikan serampang dua mata di mana selain menyertai pertandingan catur, peserta juga berpeluang untuk mengenali dan memahami fungsi serta peranan Pustaka.

### *INDIVIDUALS FOR KUCHING DIVISION SSC CHESS TEAM COMPETITION 2011*

*The Technical Committee of the Kuching Division School Sports Council (SSC), Padawan District Office, Sarawak Education Department dan Pustaka successfully held the 2011 the Individuals for Kuching Division SSC Chess Team Competition 2011 on 2 - 3 Mac 2011 at Pustaka. This competition aimed to identify potential competent chess players aged 12, 13, and 18 and below to form a strong Kuching Division SSC Chess Team for the State Level Chess Competition in Limbang, which would be held on 3 - 5 May 2011. This event also enabled participants to get to know the roles and functions of Pustaka.*





## BENGKEL PENGHASILAN KUIH CAWAN

Sebuah bengkel pastri mengenai cara-cara membuat "Kuih Cawan Bergula Aising" telah diadakan pada 26 Februari 2011. Pustaka telah menjemput pengusaha kuih cawan dari Bintulu untuk memudahcarakan bengkel tersebut. Khairina Senusi yang mempunyai banyak pengalaman dalam penghasilan kuih cawan yang menarik untuk berbagai majlis keramaian seperti perkahwinan dan harijadi, telah menunjukkan beberapa tip serta cara untuk membuat kuih cawan dan aising berwarna. Seramai 60 peserta telah menghadiri bengkel tersebut. Peserta bengkel turut diberi peluang untuk menunjuk kreativiti masing-masing dalam penghasilan kuih cawan.

### *CUP CAKE MAKING WORKSHOP*

*A mini pastry workshop on "How to Make Icing Cupcakes" was held at Pustaka Miri on 26 February 2011. Pustaka invited a home cupcake entrepreneur from Bintulu to conduct the workshop. Khairinna Senusi, who has years of experience in making adorable-looking cupcakes for various occasions such as including weddings and birthdays, shared tips and skills on how to make cupcakes as well as the colourful icing toppings. More than 60 participants came to the workshop that included demonstration to decorate the freshly baked cupcakes and they were given the chance to show off their creativity to do so as well.*





## HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA PAMERAN PENDIDIKAN "THE BORNEO POST INTERNATIONAL EDUCATION FAIR 2011" DI BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING

Pada 19 - 20 Februari 2011, pasukan Pustaka's Mobile Team telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bersempena dengan The Borneo Post International Education Fair 2011 di Borneo Convention Centre, Kuching. Semasa program, seramai 140 orang telah mendaftar sebagai ahli percuma Pustaka selama 6 bulan. Selain mempamerkan perkhidmatan-perkhidmatan Pustaka, produk Siri Sarawakiana turut dijual selain mengemukakan soalan kuiz kepada orang ramai yang berkunjung. Pengunjung juga berpeluang mendapat cenderamata menarik dan eksklusif dari Pustaka Negeri Sarawak

### *CUSTOMER'S DAY IN CONJUNCTION WITH THE BORNEO POST INTERNATIONAL EDUCATION FAIR 2011 AT BORNEO CONVENTION CENTRE, KUCHING*

*Pada 19 – 20 Februari 2011, Pustaka Mobile Team held a Customer Day in conjunction with The Borneo Post International Education Day at the Borneo Convention Centre, Kuching. 140 people registered for Pustaka's 6-month-free membership during the program. Besides promoting Pustaka's services, the team also handled sales of Sarawakiana Series products and quizzes. Visitors were given attractive souvenirs and gifts after completing written quizzes about Pustaka.*



### PUSTAKA DI PROGRAM SEJIWA SENADA DI MIRI DAN LAWAS

Gerai Pustaka di Pameran Program Sejiwa Senada telah mendapat sambutan hangat semasa ianya berlangsung di Bandaraya Miri dan Lawas. Lebih 900 orang pengunjung telah datang ke gerai Pustaka pada 21 – 23 Januari 2011 semasa program di Bandaraya Miri. Program 3 hari tersebut telah diadakan di Padang Majlis Bandaraya Miri (MBM). Selain daripada menyertai aktiviti kuiz yang diadakan, para pengunjung berkesempatan untuk mendaftar sebagi ahli atau memperbaharui keahlian Pustaka mereka dan menerima cenderamata eksklusif Pustaka. Bagi peringkat Limbang pula, Program Sejiwa Senada telah diadakan di bandar Lawas pada 11 – 13 Februari 2011. Lokasi pameran adalah di Taman Awam Lawas. Gerai Pustaka telah menerima kunjungan lebih 700 orang sepanjang 3 hari ianya diadakan. Pasukan Pustaka telah mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Pustaka dan Pustaka Miri selain menjual produk Siri Sarawakiana dan kuiz yang diadakan. Kedua-dua program tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.

### *PUSTAKA AT THE SEJIWA SENADA PROGRAM IN MIRI AND LAWAS*

*Pustaka's exhibition received a very positive response from the public during the Sejiwa Senada Program in Miri City and Lawas. About 900 members of th public came over to Pustaka's booth when the program was held on 21 - 23 January 2011 in Miri City. The 3-day program was held at Miri City Council field. Besides participating in quizzes, visitors took the opportunity to register as new members or renew their membership and they were given attractive souvenirs and gifts. At Limbang Division Level, the program was held at Lawas Public Park in Lawas Town on 11 - 13 Februari 2011. Pustaka's booth recorded about 700 visitors during the 3 day program. Pustaka's team promoted services and facilities available at Pustaka and Pustaka Miri besides selling Sarawakiana Series products. The 2 programs were officiated by the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.*



### HARI BERSAMA PELANGGAN PUSTAKA MIRI DI EMART MIRI

Pada 29 Januari 2011, orang awam yang membeli belah di eMart Miri berpeluang untuk mendaftar sebagai ahli baru atau memperbaharui keadliannya kerana pada hari berkenaan Pustaka telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan yang pertamanya bagi tahun 2011 di situ. Sepasukan staf Pustaka yang peramah berada di tempat tersebut dari pukul 9:00 pagi hingga 5:00 petang untuk memperkenal serta mempromosikan berbagai kategori keahlian, perkhidmatan serta kemudahan yang terdapat Pustaka Miri. Lebih kurang 60 orang telah mendaftar sebagai ahli baru atau memperbaharui keahlian mereka untuk membolehkan mereka meminjam 6 buah bahan perpustakaan pada satu-satu masa untuk tempoh dua minggu, menggunakan perkhidmatan secara percuma, termasuk perkhidmatan WiFi serta pemberian keutamaan semasa dalam aktiviti anjuran Pustaka. Turut diadakan adalah promosi produk Sarawakiana. Pengunjung yang turut serta dalam permainan serta kuiz diberikan cenderamata kenang-kenangan.

### *PUSTAKA MIRI'S CUSTOMERS' DAY AT EMART MIRI*

*On 29 January 2011, those who shopped at eMart Miri were able to register or renew their membership on-the-spot as Pustaka had its first Customers' Day for the year 2011. A team of friendly library staff was at hand from 9:00 am to 5:00 pm to introduce and promote membership categories as well as the services and facilities available at Pustaka Miri. Nearly 60 members registered and renewed their memberships, which enable them to enjoy benefits such as borrowing up to 6 books at any one time for the duration of 2 weeks; free internet access within the premise of the library including WiFi service; and given priority in activities organized by Pustaka. The library also promoted the Sarawakiana Series products during the event. Those who gave feedbacks and participated in games and quizzes on that day were given tokens of appreciation.*



### PUSTAKA SERTAI PAMERAN SEJIWA SENADA SRI AMAN, SERIAN DAN KUCHING SELATAN

Pustaka telah menyertai Pameran Sejiwa Senada anjuran Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Jabatan Ketua Menteri yang diadakan di Sri Aman pada 25 - 27 Mac 2011, Serian pada 18 - 20 Mac 2011 dan Kuching Selatan pada 25 - 27 Mac 2011. Selain mempamerkan perkhidmatan - perkhidmatan yang ada, Pustaka juga menayang video korporat dan menjual produk Siri Sarawakiana. Selain itu, turut diadakan kuiz di mana jawapan boleh didapati di setiap baner, panel dan juga tayangan slaid. Selain pengunjung - pengunjung

yang berbilang bangsa dan umur, kami juga mendapat informasi dan maklumat tambahan apabila berpeluang melawat ke lebih 180 buah tapak pameran dari pelbagai agensi di Sarawak serta ianya juga dapat mengeratkan lagi hubungan diantara jabatan.

### *PUSTAKA PARTICIPATED IN THE SEJIWA SENADA EXHIBITION IN SRI AMAN, SERIAN AND KUCHING SOUTH*

*Pustaka participated in the Sejiwa Senada Exhibition in Sri Aman on 25 - 27 Mac 2011, Serian on 18 - 20 Mac 2011 and Kuching City South on 25 - 27 Mac 2011. The exhibitions were organized by the State Implementation Monitoring Unit (SIMU) of the Chief Minister's Department. Besides showcasing its services, Pustaka also showcased its corporate video and the Sarawakiana Series. Quizzes were also organized for visitors. Pustaka'staff took the opportunity to to visit 180 other exhibition booths to gather information, exchange ideas with other exhibitiors and do promotion.*





### PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ILMU PENGETAHUAN TRADISIONAL SARAWAK

Pada 23 Februari 2011, Puan Rashidah Bolhassan, pelajar doktor alsafah Victoria University of Washington, New Zealand telah menyampaikan ceramah 2 jam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan ilmu pengetahuan tradisional Sarawak. Beliau berbicara mengenai kaum-kaum etnik Sarawak, petua-petua dan pantang larang ekpresi budaya mereka yang boleh dikongsikan bersama. Ilmu pengetahuan kaum-kaum asli dalam bentuk upacara serta amalan memerlukan inteprítasi proses-proses yang terlibat bagi mewujudkan ilmu pengetahuan ekplisit. Pembentangan beliau bertujuan untuk mengetengahkan amalan pengurusan ilmu pengetahuan di kalangan kaum-kaun etnik, terutama sekali proses perkongsian ilmu pengetahuan. Dalam ceramah turut dibincangkan bagaimana pengurusan ilmu pengetahuan moden dapat diaplikasikan dalam pemeliharaan serta pemuliharaan kandungan ekpresi budaya tradisional yang kaya serta suci.

### *PRESERVATION AND CONSERVATION OF SARAWAK'S TRADITIONAL KNOWLEDGE*

*On 23 February 2011, Puan Rashidah Bohassan, PhD. student from Victoria University of Wellington, New Zealand gave a two-hour Sarawakiana talk on the preservation and conservation of Sarawak's traditional knowledge at Pustaka. She talked in detailed about the indigenous peoples of Sarawak, some of their secrets and sacred aspects of their traditional cultural expressions that are considered appropriate for public's knowledge. The indigenous knowledge embedded in the rituals and practices require the interpretations on the processes itself to become explicit knowledge. Her presentation aimed to share with the audience, some of the knowledge management practices of indigenous people, particularly their knowledge sharing processes. The talk also touched on on how modern knowledge management can be applied in the preservation and conservation of the secret and sacred indigenous knowledge content of traditional cultural expressions.*




### SOROTAN UTAMA - SESI OUR KNOWLEDGE

Dalam dunia perpustakaan yang dinamik dan sentiasa berubah, Pustaka sedar dan percaya bahawa perkongsian maklumat secara terbuka dan percuma amat penting untuk kejayaan organisasi. Bagi menggalak serta memudahkan forum terbuka untuk pengaliran buah fikiran, ide, konsep serta maklumat dalam organisasi, Bahagian Pengurusan Pengetahuan, Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah memulakan satu inisiatif untuk mengumpul ilmu pengetahuan dan pengalaman staf Pustaka bagi tujuan perkongsian dan pemeliharaan. Dengan adanya inisiatif sedemikian, generasi staf akan datang dapat mewarisi kemahiran tersebut untuk memperkasakan kemahiran serta amalan mereka. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pengurusan Pengetahuan telah memulakan Sesi "Our Knowledge (OK)", satu platform untuk membentuk keperluan-keperluan sebagai pemangkin yang berkesan. Semasa Sesi OK, pembentang yang terdiri daripada staf yang telah menghadiri kursus/bengkel/seminar dan sebagainya akan berkongsi pengalaman dengan staf Pustaka lain mengenai apa yang telah mereka pelajari. Tujuannya adalah untuk memupuk amalan berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan di kalangan staf Pustaka dengan mengumpul pengetahuan penting yang diperolehi dari kursus atau bengkel. Bahagian Pengurusan Pengetahuan telah mengendalikan Sesi OK dengan berkesan sejak sesi printis program tersebut diadakan pada 4 Mac 2010, di mana Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka dan Encik Wan Mazli Wan Razali, Ketua Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pustaka telah membuat pembentangan. Setakat Aprill 2011, sebanyak 16 Sesi OK telah dirakam, dienkod dan disediakan untuk rujukan staf di Portal Pengetahuan Pustaka.

### *SPOTLIGHT – OUR KNOWLEDGE SESSION*

*In a dynamic and ever-changing library industry, Pustaka recognizes and believes that an environment of free and open knowledge sharing was critical to the success of the organization. In order to help foster an open and enabling forum for the communication of thoughts, ideas, concepts, and information throughout the organization, the Knowledge Management (KM) Division of Information and Communications Technology Sector has begun its initiative to capture valuable knowledge and experience from Pustaka's staff, mainly for sharing and preservation. This was so that the next generation of civil servants can inherit these skills and enhance them as their own best practice. Therefore, the KM Division has initiated Our Knowledge (OK) Session, a platform to accommodate these needs as an effective catalyst. OK Session is a session where the presenter, a staff (or a group of staffs) that has / have attended a course / workshop / seminar and etc. shares their input to all other staffs of Pustaka. The main objective of this session is to inculcate knowledge sharing among Pustaka's staff by gathering significant knowledge that was gained during the courses or workshops. After its pilot session on 4 March 2010, featuring the Acting Chief Executive Officer of Pustaka, Encik Japri Bujang Masli and the Head of ICT Sector, Pustaka, Encik Wan Mazli Wan Razali, the KM Division has consistently handled the session proficiently. As of April 2011, 16 OK Sessions have been captured, encoded and made available for staff's reference at Pustaka's*

*Knowledge Portal.*





## SAMBUTAN HARI BURUNG PENGHIJRAH SEDUNIA 2011 DI PUSTAKA MIRI

Pustaka Miri dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Cawangan Miri telah menganjurkan beberapa aktiviti sempena dengan Hari Burung Penghijrah Sedunia pada 21 Mei 2011. Hari Burung Penghijrah Sedunia bertujuan untuk menggalak orang ramai berusaha untuk memulihara burung penghijrah dan menggalakkan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, kelab dan persatuan, universiti, sekolah dan individu di seluruh dunia mengelola aktiviti serta program yang berkaitan dengan burung penghijrah. Di Pustaka Miri, aktiviti-aktiviti yang telah diadakan adalah peraduan membuat poster yang bertemakan "Burung-Burung di Sarawak" dan ceramah serta persembahan slaid yang bertemakan "Birdwatching in Miri : Common Birds in Your Garden and Other Rare Birds Beyond". Seramai 32 kanak-kanak mengambil bahagian dalam peraduan membuat poster. Mantan pengerusi, Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Cawangan Miri, Mohd. Nazeri Abdul Gani yang merupakan seorang pemerhati burung yang berpengalaman, menceritakan pengalaman pemerhatian burung beliau melalui foto-foto berwarna. Beliau juga menerangkan tip untuk menjadi pemerhati burung yang bagus.

## *WORLD MIGRATORY BIRD DAY 2011 AT PUSTAKA MIRI*

*Pustaka Miri, in collaboration with Malaysian Nature Society (MNS), Miri Branch, organized activities in conjunction with World Migratory Bird Day on 21 May 2011. World Migratory Bird Day aims to inspire people to take action for the conservation of migratory birds and encourages national authorities, non-governmental organizations (NGOs), clubs and societies, universities, schools and individuals around the world to organize events and programs, which help draw attention to migratory birds. The activities held during the WMBD at Pustaka Miri were Poster Making with the theme 'Birds of Sarawak' and a Talk and Slideshow on 'Birdwatching in Miri : Common Birds in Your Garden and Other Rare Birds Beyond'. A total number of 32 children took part in the Poster Making Contest. MNS Miri Branch's former chairperson Mohd. Nazeri Abdul Ghani, who is an avid birdwatcher, shared his birdwatching experience through colorful photos captured as well as tips on how to be a good birdwatcher.*





## CERAMAH SARAWAKIANA : PENGENALAN KEPADA MANIK SARAWAK

Pada Rabu, 20 April 2011, Pustaka telah mengadakan satu siri ceramah Sarawakiana yang bertajuk Pengenalan Kepada Manik Sarawak. Ceramah ini dipermudahcarakan di Pustaka oleh Roziah Rinai dari Majlis Kraftangan Sarawak. Sepanjang sesi ceramah, beliau mengupas mengenai seni gubahan manik yang merupakan satu seni kraftangan yang begitu popular di Sarawak. Menurut beliau, kaum etnik pertama di Sarawak yang menghasilkan manik atau "baw" adalah dari suku kaum Lun Bawang. Ini kerana manik merupakan harta pusaka kaum wanita Lun Bawang yang dianggap sangat berharga. Terdapat pelbagai jenis manik yang dihasilkan oleh masyarakat ini, antaranya "Baw tulang, Baw birar, Baw sia dara', Bawa bata', Baw burung murit" dan lain-lain. Manik-manik ini diperbuat daripada kulit kerang, gigi, dan biji buah-buahan yang dilubangkan dicucuk dengan tali. Sepanjang ceramah diadakan, para peserta telah diberi peluang untuk mencuba membentuk dan mereka manik sendiri.

## *SARAWAKIANA TALK : INTRODUCTION TO SARAWAK BEADS*

*On 20 April 2011, Pustaka hosted a Sarawakiana Series Talk entitled "Introduction to Sarawak Beads. The talk was given by Roziah Rinai of the Sarawak Craft Council. During the program, the speaker discuss about the arts of bead arrangement, which is a popular craft in Sarawak. She stressed that the Lun Bawang were the pioneers of bead art or "baw" in Sarawak. To the Lun Bawang, beads are high esteem property of the ladies. There are a few types of beads produced by this ethnic group. Among them are Baw Tulang, Baw Birar, Baw Sia Dara', Bawa Bata', Baw Burung Murit and a few more. These beads are made from shells, teeth and dried seeds. During the session, participants had hand on designing their own bead work.*





## CERAMAH UMUM MENGENAI KESIHATAN DI PUSTAKA MIRI : KESIHATAN ADALAH KEKAYAAN

Pustaka Miri telah mengadakan satu lagi ceramah kesihatan untuk kominiti di sekitar Bandaraya Miri pada 10 Mei 2011. Ceramah tersebut yang bertajuk "Health is Wealth" telah diadakan di auditorium Pustaka Miri telah disampai oleh Dr. Uma Devi. Beliau yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidan g perubatan telah berkongsikan maklumat mengenai cara-cara to kekal sihat secara fizikal dan mental. Adalah penting untuk mengamalkan hidup sihat untuk menikmati kehidupan sepenuhnya. Amalan hidup sihat harus dipupuk pada usia muda. Tujuan ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan kesihatan fizikal dan mental. Seramai 60 orang pseserta menghadiri ceramah tersebut. Peserta juga telah memberi maklum balas positif.

## *PUBLIC HEALTH TALK AT PUSTAKA MIRI : HEALTH IS WEALTH*

*Pustaka Miri organized another public health talk for the community in and around Miri City on 10 May 2011. The talk entitled 'Health is Wealth' took place in the library's Auditorium and former Miri Hospital's director Dr. Uma Devi, who has years of experience in the medical line, shared her knowledge on ways to be healthy physically and mentally. Without good health, one will not be able to enjoy life to the fullest hence it is important to know the right ways in maintaining one's health by practicing healthy*

*lifestyle. It is also better if the awareness of healthier living be emphasized from young age. The objective of talk was to create awareness on the importance of mental and physical health. A total of 60 participants attended the talk and gave positive feedbacks.*





## CERAMAH KOMUNITI : SINDROM OVARI POLISISTIK

Sebuah ceramah umum mengenai Sindrom Ovari Polisistik di kalangan wanita di Malaysia telah diadakan pada 30 Mac 2011. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Dr. Suria Idris, seorang pakar obstetrik dan ginekologi dari Pusat Pakar Perubatan Normah. Sindrom Ovari Polisistik merupakan sejenis gangguan endokrin yang menjangkiti 5% - 10% gadis dan wanita yang berumur di antara 12 - 45 tahun dan ia satu daripada penyebab ketaksuburan di kalangan wanita. Di Malaysia, bilangan wanita yang mengidap penyakit ini sudah berapa di tahap yang membimbangkan. Jika tidak diubati, penyakit ini boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius seperti kemandulan, kencing manis dan penyakit jantung. Ceramah ini diselitkan dengan sesi soal jawab di antara peserta dan penceramah. Sesi ceramah di akhiri dengan penyampaian cenderamata Pustaka kepada Dr. Suria Idris.

## *COMMUNITY TALK : POLYCYSTIC OVARY SYNDROME (PCOS)*

*A 2 hour community talk focusing on Polycystic ovary syndrome (PCOS) amongst woman in Malaysia was held on 30 March 2011 at Pustaka. The talk was by Dr. Suria Idris, an obstetrician and gynaecologist from Normah Medical Specialist Centre. Polycystic ovary syndrome (PCOS) is one of the most common female endocrine disorders affecting approximately 5% - 10% of women of reproductive age (12 - 45 years old) and is thought to be one of the leading causes of female subfertility. This disease is increasing among the women on Malaysia to the level of concern as it affects fertility and their ability to conceive and give birth. If it is not treated, it can lead to serious health problems such as sterility, diabetes and heart disease. The talk was followed by question and answer session between participants and speaker. This session concluded with a presentation of souvenir from Pustaka to Dr. Suria Idris.*





## CERAMAH UMUM : EMAS DAN PERAK SEBAGAI INSTRUMEN SIMPANAN DAN PELABURAN

Pada 7 April 2011, seramai 160 orang menghadiri ceramah "Emas dan Perak Sebagai Instrumen Simpanan dan Pelaburan" yang diadakan di Pustaka. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Hafizul Hakim Mohd. Kerta yang merupakan seorang yang berpengalaman dalam urusan jual beli emas dan perak.Ceramah ini diadakan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada individu yang berminat dalam pelaburan emas dan perak untuk mendapat pengetahuan dan maklumat yang lebih terperinci mengenai pelaburan tersebut. Disamping itu, ceramah ini juga membantu dalam mengenal pasti teknik-teknik pelaburan yang membawa keuntungan dan tidak merugikan. Sepanjang sesi ceramah berlangsung, penceramah juga turut memberi pandangan beliau mengenai skim pelaburan yang tidak mendatangkan keuntungan yang sering diperkatakan pada masa kini.

## *COMMUNITY TALK : GOLD AND SILVER AS SAVING AND INVESTMENT INTRUMENTS*

*On 7 April 2011, 160 members of the public attended a talk on "Gold and Silver as Saving and Investment Instruments". The talk was delivered by Hafizul Hakim Mohd. Kerta who had long experinse in the gold and silver trade. It aimed to give insight and in depth information about investment in gold and silver to those who interested. The speaker also discussed about tips and techniques to indentify profitable investment. In addition to that, the speaker also shared his views on the much talk about investment schemes that have failed.*





## PROGRAM RAKAN PUSTAKA @ KOTA SAMARAHAN

Pustaka dengan kerjasama Perpustakaan Awam Samarahan telah mengadakan Program Rakan Pustaka di Perpustakaan Awam Samarahan pada 19 Mei 2011. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah sesi bercerita, aktiviti mewarna untuk kanak-kanak tadika, taklimat perkhidmatan Pustaka dan perkhidmatan baru U-Pustaka untuk masyarakat setempat.Program Rakan Pustaka dimulai dengan sesi bercerita bersama Noranita Kerim dan Alvaena Valentine dengan cerita yang bertajuk "Are You A Butterfly" dan "Sang Semut Yang Baik Hati". Seterusnya, aktiviti mewarna kad Hari Guru disediakan sempena meraikan sambutan hari guru pada 16 Mei yang lalu. Seramai 51 orang kanak-kanak dari tadika yan berdekatan telah mengikuti program kali ini.

## *FRIENDS OF PUSTAKA PROGRAM @ KOTA SAMARAHAN*

*With the cooperation of Samarahan Public Library, Pustaka successfully held the Friends of Pustaka Program at the library on 19 May 2012. Various activities were organised and these included story telling session, colouring session for kindergarten children, briefing on Pustaka's services and the new U-Pustaka service for the local community. The program kicked off with a story telling session entitled "Are You A Butterfly" and "Sang Semut Yang Baik Hati" by Noranita Kerim and Alvaena Valentine. The subsequent activity was colouring of Teacher's Day card to commemorate Teacher's Day that fell on 16 May. 51 children from nearby kindergartens participated in the program.*





### PESTA KAUL 2011

Projek Dokumentasi Sarawakiana bermula dengan kerjasama antara Pustaka Negeri Sarawak dengan Majlis Adat Istiadat Sarawak dalam pendokumentasian Pesta Kaul di Mukah baru-baru ini. Unit Sarawakiana, Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Pustaka telah berkunjung ke Mukah pada 25 April 2011 hingga 1 Mei 2011 di Kala Dana (Kuala Lama), untuk melakukan tinjauan dan seterusnya merakamkan aktiviti-aktiviti yang diadakan bersempena Pesta Kaul 2011. Tujuan dokumentasi ini dilakukan adalah untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi muda kini dan akan datang dalam pengetahuan berkenaan khazanah lama yang semakin pupus. Pesta turun-temurun yang diraikan secara tahunan ini menghimpunkan pelbagai aktiviti dan adat resam yang menarik dan berbeza dari kaum lain. Tema pesta kaul kali ini adalah 'Tiada Seuniknya'. Majlis perasmian yang diadakan pada 30 April 2011 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.

### *KAUL FESTIVAL 2011*

*The Sarawakiana Documentation Project leaped off in a joint effort between Pustaka and Majlis Adat Istiadat Sarawak in a documentation work on the recently concluded Kaul Festival in Mukah. The Sarawakiana Unit of the Technical Services Division of Pustaka took was in Kala Dana (Kuala Lama) Mukah on 25 April 2011 untill 1 May 2011 to conduct site survey and video recording of activities held during the Kaul Festival 2011. The documentation work aimed to build information resources on the diminishing local cultures and practices for future reference. This heridatory festival, celebrated every year was a convergence of cultural activities and traditions that are quite different from those of other ethnic groups. The theme for the Kaul Festival 2011 was "Tiada Seuniknya". The official launch was graced by the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, on 30 April 2011.*





### PENYERAHAN KOLEKSI YBHG. DATUK HAJI MORTADZA BIN HAJI DAUD KEPADA PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pada 27 Mei 2011, Pustaka menerima sejumlah koleksi daripada YBhg. Datuk Mortadza bin Haji Daud. Upacara penyerahan ini dilakukan di rumah beliau di Jalan Patingan yang disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan, Pustaka, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, disaksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka, Encik Japri Bujang Masli dan Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka, Puan Arpah Adenan. Datuk Mortadza pernah berkhidmat sebagai Mufti Negeri Sarawak selama 8 tahun (1994 - 2002). Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai mufti, beliau banyak menyumbang tenaga dan idea kepada perkembangan syiar dan amalan Islam di Sarawak. Beliau yang turut dikenali sebagai tokoh agama sering menyampaikan hasil pengajarannya melalui pelbagai media khususnya melalui Radio Sarawak disekitar tahun 60an. Antara koleksi yang diserahkan kepada Pustaka Negeri Sarawak ialah 23 naskah tafsir Al-Quran hasil tulisan tangan beliau sendiri, kajian yang bertajuk "Penyiasatan Khurafat" dan "Kajian Kanak-kanak".

### *HANDING OVER OF DATUK HAJI MORTADZA BIN HAJI DAUD'S COLLECTION TO PUSTAKA NEGERI SARAWAK*

*On 27 May 2011, Pustaka received a collection from Datuk Mortadza bin Haji Daud. The handing over ceremony, which was held at the his house at Jalan Patingan, was graced YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, Chairman of the Board of Management of Pustaka. Witnessing the handing over ceremony were Encik Japri Bujang Masli, Acting Chief Executive Officer of Pustaka and Puan Arpah Adenan, Head of Depository Services Sector, Pustaka. Datuk Haji Mortadza once serviced as the Sarawak State Mufti for 8 years (1994 - 2002). During his tenure as a mufti, he was noted for his efforts and ideas for the development Islamic teachings and practices in Sarawak. He was also well known as a religious figure that frequently shared his teachings via various media, especially Sarawak Radio in the 1960s. The collection that he donated to Pustaka included 23 copies interpreted Quran - his own literally work- studies entitled "Penyiasatan Khurafat" and Kajian Kanak-kanak.*





### PERASMIAN PAMERAN "REMEMBERING ANTHONY"

Pada 8 Jun 2011, sebuah pameran yang bertemakan "Remembering Anthony" telah dilancarkan oleh Encik James Bertram Lionel Brooke, anak mendian Anthony Brooke. Maljis perasmian telah disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan, Pustaka; Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka; Jason Brooke, cucu mendian Anthony Brooke; dan lebih 100 orang pegawai Kerajaan Negeri Sarawak, pelajar, sejarahwan, wakil pertubuhan bukan kerajaan, guru dan pemberita. Pameran tersebut bertujuan untuk mendedahkan sebahagian daripada sejarah Sarawak kepada generasi muda. Mendiang Anthony Brooke yang berusia 98 tahun meninggal dunia pada 2 Mac 2011. Pameran tersebut juga secara tidak langsung mempromosikan bahan arkib serta kemudahan Pustaka yang terdapat di Repositori Rekod Negeri. Bahan-bahan pameran tertumpu kepada kisah hidup mendiang Anthony Brooke, dari zaman muda ke zamannya sebagai Rajah Muda Sarawak semasa pemerintahan Brooke hinggalah ke saat-saat akhir kehidupan. Mendiang Anthony Walter Dayrell Brooke merupakan bekas Rajah Musa Sarawak yang menjadi sumber inspirasi kepada pergerakan menentang penyerahan kuasa kepada kerajaan British dan kebangkitan semangat kebangsaan semasa era pemerintahan British di Sarawak. Pameran tersebut dibuka kepada orang ramai dari 8 Jun hingga 3 Julai 2011, pukul 11 pagi hingga pukul 7 petang di Pustaka.

### *OFFICIAL LAUNCH OF REMEMBERING ANTHONY EXHIBITION*

*On 8 June 2011, an exhibition with the theme, "Remembering Anthony" had been successfully launched by Anthony Brooke's son, Mr. James Bertram Lionel Brooke. The launching of the exhibition was witnessed by the*

*Pustaka's Chairman to the Board of Management, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugo Acting Chief Executive Officer of Pustaka, Encik Japri Bujang Masli, Anthony's grandson, Jason Brooke and over 100 guests including Sarawak state officials, students, historians, representatives of NGOs, teachers and journalists. The exhibition aimed to expose pieces of Sarawak's history especially to the younger generation. The late Anthony Brooke passed away on 2 March 2011 at the age of 98. The exhibition also promoted archives available at Pustaka's facility at State Records Repository. The display featured Anthony Brooke's life from his early years, throughout his years as the Rajah Muda of Sarawak during Brooke's reign and towards his final days. Anthony Walter Dayrell Brooke was a former Rajah Muda of Sarawak who inspired the anti-cession movement and the rising of nationalism spirit among Sarawakians during British rule. The exhibition was held from 8 June until 3 July 2011, from 11:00 am to 7:00 pm at Pustaka.*





## KARNIVAL SARAWAKIANA 2011 MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN

Karnival Sarawakiana yang julung kalinya diadakan di Pustaka Miri telah meninggalkan kesan positif di kalangan hampir semua pengunjung karinival tiga hari tersebut. Sebanyak 14 aktiviti telah diadakan sepanjang hujung minggu pada 24 – 26 Jun 2011. Karnival berkenaan telah menarik perhatian lebih kurang 3,000 pengunjung. Aktivititi-aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk memberi kesedaran serta mempromosikan budaya dan warisan Sarawak. Antara sorotan utamanya adalah "Pustaka Talent Search", Pertandingan Karaoke, Pertandingan Bermukun. Pertandingan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak, Pertunjukan Kebudayaan dan Demonstrasi Masakan Tradisional Sarawak. Aktiviti-aktiviti lain adalah Pameran Seni Sarawak, Bengkel Batik Sarawak, Bengkel Kek Lapis Sarawak, Forum Kebudayaan, Persemabahn Kebudayaan Kanak-Kanak, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Sesi Bacaan Kegemaran Saya Bersama Selebriti, pesta makanan dan perniagaan. Tiga orang artis popular tempatan, Bob Yusof AF2, Hael Husaini @ Sani dan Muzzy telah dijemput khas untuk memeriahkan lagi suasana karnival. Majlis perasmian karinival telah dirasmikan pada 24 Jun 2011 oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Sukan, YB Datuk Lee Kim Shin. Beliau telah diwakili oleh Datuk Bandar Bandayara Miri, Encik Lawrence Lai Yew Son. Majlis penutupan telah disempurnakan pada 16 Jun 2011 oleh YBhg Professor Dr. Abdul Rahman Deen, Ahli Lembaga Pengurusan, Pustaka.

## *SARAWAKIANA CARNIVAL 2011 RECEIVED OVERWHELMING RESPONSE*

*The first ever Sarawakiana Carnival organised by Pustaka Miri left a positive impression on almost all visitors who frequented the three-day event. Some 14 different activities were held throughout the weekend from 24 to 26 June 2011. The carnival attracted about 3,000 visitors. The activities were aimed to create awareness and promote the cultures and heritage of Sarawak. Amongst the highlights were 'Pustaka Talent Search' Karaoke Contest, Bermukun Competition, Children Traditional Costumes Competition, Cultural Showcases and Sarawak Traditional Food Cooking Demonstrations. Other activities included Sarawak Arts Exhibition, Sarawak Batik Workshop, Sarawak Layered Cake Workshop, Cultural Forums, Children Cultural Performance, Children Coloring Contest, My Favorite Read Session With Celebrities, mini food and trade fair. Three popular artistes; Bob Yusof AF2, Hael Husaini @ Sani and Muzzy were specially invited to add excitement to the carnival. The opening of the carnival was officiated on Friday, 24th June 2011 by Assistant Minister of Communications and Sports, YB Datuk Lee Kim Shin. He was represented by Miri City Mayor Lawrence Lai Yew Son. The closing ceremony of the carnival was done on Sunday, 26th June 2011 by a member of Pustaka's Board of Management, YBhg Professor Dr. Abdul Rahman Deen.*





## BATIK FUN WALK 2011

Pustaka Miri telah julung kalinya mengadakan "Batik Fun Walk 2011" pada 16 Julai 2011. Sebanyak 12 kumpulan peserta dari agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sekolah dan tadika mengambil bahagian. Programtesebut dikelolakan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi, Pustaka Miri dengan bantuan dari Majlis Bandaraya Miri. Tujuan program adalah untuk memupuk semangat cintakan batik menraik yang sinonim dengan Malaysia dan Asia Tenggara dan mempromosikan gaya hidup sihat melalui senaman beramai-ramai. Program tersebut telah diadakan di Miri City Fan pada pukul 7:00 pagi dan ia telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Sukan Malaysia, YB Datuk Lee Kim Shin. Peserta-peserta program telah mengambil bahagian dalam "Senam Kenyalang", sebuah sesi senamrobik yang menggabungkan tarian tradisional dengan rutin latihan. Kumpulan Batique Columba dari Sekolah Menengah Kerajaan Saint Columba telah mendapat pertama, selain daripada dinobatkan sebagai "The Most Sporting Team", manakala Kumpulan Hospital Miri mendapat tempat ketiga. Tempat ketiga dimenangi oleh KEMAS Cenderawasih dari Jabatan Kemajuan Masyarakat. Kumpulan ini juga turut dinobatkan sebagai "Most Creative Batik Team". Tadika Astana telah dinobatan sebagai "Most Participating Teams" kerana telah menghantar 4 kumpulan untuk mengambil bahagian.

## *BATIK FUN WALK 2011*

*Pustaka Miri held the library's first-ever 'Batik Fun Walk 2011' on 16 July 2011. A total of 12 teams took part and the teams included those from government agencies, non-government organizations (NGOs), schools and even kindergartens. The walk was organised by Pustaka Miri's Sports and Recreation Club with the support from Miri City Council. Its main objective was to instill a love for the beautiful batik which is synonymous with Malaysia and the South East Asian region as well as promoting a healthy lifestyle by taking part in mass exercises. The inaugural health walk took place in Miri City Fan at 7:00 am with the Assistant Minister of Communications and Sports, YB Datuk Lee Kim Shin gracing the event. The participants first took part in "Senam Kenyalang", a mass aerobics session which integrates traditional dances in exercise routines. Team Batique Columba from Sekolah Menengah Kerajaan Saint Columba took home the first prize as well as the title of "Most Sporting Team" whilst Team Hospital Miri placed second. Third place went to KEMAS Cenderawasih from Community Development Department which also won the title of "Most Creative Batik Team". Tadika Astana was awarded the "Most Participating Teams" as they sent in 4 teams to join the walk.*




## KESORONAKAN BERPENDIDIKAN DI PERKHEMAHAN ILMU 2011

Seramai 30 orang pelajar turut serta dalam Perkhemahan Ilmu 2011 anjuran Pustaka Miri pada 30 - 31 Julai 2011. Pelajar tingkatan 4 dari sekolah di sekitar Bandaraya Miri berkhemah selama 2 hari di kawasan perpustakaan dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti menarik serta berbentuk pelajaran. Perkhemahan Ilmu merupakan satu daripada aktiviti tahunan Pustaka Miri untuk menggalakkan pembudayaan ilmu di kalangan remaja. Dipimpin oleh fasilitator dan mentor, peserta terlibat dalam aktiviti-aktiviti seperti sesi kemahiran literasi maklumat, bina semangat, perucapan awam, senamrobik, ceramah motivasi, perduan pencarian maklumat dan bengkel pembangunan blog.

## *EDUCATIONAL FUN AT KNOWLEDGE CAMP 2011*

*A total of thirty students participated in Pustaka Miri's Knowledge Camp 2011 held on 30 - 31 July 2011. The Form 4 students from schools in and around Miri City camped for two days at the library and did exciting and educational activities. Knowledge Camp was one of the annual events organised by Pustaka Miri to promote knowledge acculturation, particularly amongst youths. Guided by facilitators and mentors, the participants took part in activities such as information literacy skills session, teamwork building, public speaking, group aerobics, motivational talks, "Info Hunt" and blog-building workshop.*




## MAJLIS BERBUKA PUASA DAN RAKAMAN 'SYOKNYA RAYA' BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

Pustaka Miri, Hotel Mega dan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Miri telah bekerjasama dalam mengelola Majlis Berbuka Puasa dan rakaman "Syoknya Raya" bersama anak-anak Kompleks Kebajikan Hamidah dan Rumah Amal Anak Kesayangan Kami pada 15 September 2011. Majlis tersebut telah diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri, Tun Datuk Patinggi Abang Muhammad Salahuddin dan Toh Puan Datuk Patinggi Norkiah. Seramai 92 orang anak-anak daripada kedua-dua organisasi kebajikan tersebut diraikan dengan jamuan serta dihiburkan dengan persembahan artis jemputan dari Kuala Lumpur - Ezad dan Nadia. Selain itu, mereka turut menerima sumbangan dan duit raya daripada TYT serta para penganjur dan penaja. Pihak Pustaka Miri telah memberi sumbangan berbentuk kelengkapan sekolah dan Kelab Sukan dan Rekreasi pula menyumbangkan duit raya. Hadir sama adalah Ahli Parlimen Sibuti, YB Ahmad Lai Bujang; Residen Miri, Antonio Kahti Galis; Pegawai Daerah Miri, Boniface Intang Apat; Datuk Bandar Miri, Lawrence Lai; Pengerusi Kumpulan Soon Hup, Datuk Ting Ong Hua, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka, Japri Haji Bujang Masli; Pengarah Penyiaran Sarawak, Abdul Jalani Mahmud; Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Salina Haji Zawawi; dan Pengurus Besar Hotel Mega, Douglas Low.

## *BREAKING THE FAST & RECORDING 'SYOKNYA RAYA' WITH CHILDREN*

*Pustaka Miri, Mega Hotel and Radio Television Malaysia (RTM) Miri has collaborated in organizing and recording of Breaking Fast 'Syoknya Raya' with Children from Complex Hamidah Welfare and Charity Home Child Friendly We at 15 September 2011. The event was graced by the presence of Tun Abang Muhammad Salahuddin Datuk Patinggi and wife Toh Puan Datuk Patinggi Norkiah.A total of 92 children from both the charity organization celebrated with dinner and entertained by guest artistes from Kuala Lumpur - Ezad and Nadia. In addition, they also receive contributions and bulletins from the TYT and the organizers and sponsors. The University Press Miri has contributed in the form of school and a Sports and Recreation (KSR) has donated gift of money. Also present was the Honourable Member of Parliament Ahmad Lai Single Sibuti, Miri Resident Antonio Kahti Galis, District Officer Boniface Intang Apat Miri, Miri City Council Mayor Lawrence Lai, Soon Hup Group chairman Datuk Ong Hua Ting, Acting Chief Executive Officer of the Pustaka Negeri Sarwak Japri Bujang Masli, Director of Broadcasting Undergo Sarawak Abdul Mahmud, Regional Manager Pustaka Miri Salina Haji Zawawi and Mega Hotel General Manager Douglas Low.*




## CERAMAH SARAWAKIANA: BERAPA BANYAK IALAH MANIK? MANIK SEBAGAI MATA WANG AWAL

Pada 23 Jun 2011, Puan Heidi Munan, Kurator Kehormat Manik di Muzium Sarawak telah menyampaikan ceramah Sarawakiana bertajuk "How much is that in beads? : Beads as an early currency" di Pustaka. Menurut beliau, manik telah digunakan sebagai mata wang dalam konteks budaya serta upacara dan hingga kini masih mengekalkan nilai tersebut. Kini, manik hanya digunakan sebagai hiasan. Puan Heidi Munan turut membincangkan sejarah manik sebagai barang bernilai. Sebelum wujudnya duit, manik digunakan sebagai mata wang tidak rasmi di kebanyakan tempat di seluruh dunia. Pada satu ketika dahulu, manik merupakan mata wang tidak rasmi di Borneo.

## *SARAWAKIANA TALK : HOW MUCH IS THAT IN BEADS? BEADS AS AN EARLY CURRENCY*

*On June 23 2011, Puan Heidi Munan, the Honourary Curator of Beads at the Sarawak Museum gave a two-hour Sarawakiana talk titled "How Much Is That In Beads? : Beads as an Early Currency" at Pustaka. She highlighted that beads had been used as a currency in cultural and ritual contexts and in many cases, still serves such purposes. Today, the main application of beads is for ornamental and decorative purposes and for a wide variety of creative handicrafts. Puan Heidi Munan also talked about the history of beads as objects of value. Before money was generally used or available, beads took the place of an informal currency in many parts of the world. This certainly was the situation in Borneo during that time. The most precious beads have also kept for their value as collector's Items.*




## CERAMAH KOMUNITI : KESIHATAN MENTAL

Pustaka telah menganjurkan ceramah komuniti bertajuk "Kesihatan Mental" pada 7 Julai 2011. Penceramah jemputan bagi ceramah ini adalah Dr. Ismail Drahman dari Pusat Pakar Perubatan Normah, Kuching. Ceramah ini bertujuan untuk mengupas mengenai isu gangguan mental secara ringkas. Kewujudan gangguan mental di kalangan pekerja sering dinafikan. Malah di kalangan pesakit yang sedang menjalani rawatan pun seboleh-bolehnya tidak mahu sesiapa pun terutama rakan sekerja tahu masalah mereka kerana perkara ini dianggap sangat memalukan. Penyakit mental bukan disebabkan otak yang lemah kerana otak pesakit mental masih dalam keadaan normal. Ia juga tidak ada kaitan dengan sahsiah atau kelakuan tidak baik mahupun cara ibu bapa membesarkan anak-anak. Gangguan mental terjadi apabila keseimbangan bahan kimia dalam otak terjejas. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta yang hadir dan penceramah. Sesi ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata dari Pustaka kepada Dr. Ismail Drahman.

## *COMMUNITY TALK : MENTAL HEALTH*

*On 7 July 2011, a community talk entitled "Kesihatan Mental", which literally means mental health, was succesfully held at Pustaka. The talk was given by Dr. Ismail Drahman of Normah Medical Specialist Centre, Kuching. He discussed about matters pertaining to mental disease. According to him, the existence of mental disease among staff was seldom discussed or talked about because it was considered a taboo or embarassment. Those undergoing treatment were too embarassed to talk about it with their collegues or friends. Dr. Ismail stressed that that mental disease was not caused by weaknesses in the brain, bad behaviour or attitude, or the way one is brought up. Mental disorders occurred when a chemical inbalance developed in the brain.*




## FORUM TEORI, KAEDAH DAN PRAKTIS DALAM FOTOGRAFI

Pada 26 Jun 2011 yang lalu, Pustaka dengan kerjasama Sarawak Photographer's Group telah mengadakan satu sesi forum fotografi yang bertajuk "Teori, Kaedah dan Praktis Dalam Fotografi" di Pustaka. Forum ini disampaikan oleh tiga orang pensyarah institusi pengajian tinggi awam, iaitu Encik Hakimi Halim, Encik Hishamuddin bin Haji Siri dari Jabatan Seni Visual dan Teknologi, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak dan Encik Shariful Hafizal bin Aminuddin dari Jabatan Fotografi dan Pengimejan Kreatif, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA yang berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka di dalam bidang fotografi. Sesi santai yang berlangsung selama empat jam ini turut memberi galakkan dan sokongan kepada golongan belia yang berminat dalam bidang fotografi untuk menceburi bidang ini yang semakin terkenal pada masa kini. Disamping itu, para peserta yang menghadiri sesi ini diberi peluang untuk mengambil gambar di sekitar kawasan Pustaka bagi menyerlahkan bakat mereka dalam bidang fotografi. Mereka juga digalakkan untuk menyertai pertandingan fotografi bersempena dengan majlis pelancaran u-Pustaka di Pustaka. Sesi ini juga diadakan bertujuan untuk mempromosikan Pustaka sebagai sebuah gedung ilmu dan memberikan kesedaran kepada golongan belia mengenai betapa pentingnya perkongsian maklumat.

## *FORUM ON THEORIES, METHODS AND PRACTICES IN PHOTOGRAPHY*

*Pustaka and Sarawak Photographer's Group jointly organised a photography forum entitled "Teori, Kaedah dan Praktis Dalam Fotografi" on 26 June 2011 at Pustaka. The forum was facilitated by 3 lecturers from public institutions of higher learning: Encik Hakimi Halim, Encik Hishamuddin bin Haji Siri from the Department of Visual Arts and Technology, Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak, and Encik Shariful Hafizal bin Aminuddin from the Department of Photography and Creative Imaging, Faculty of Arts and Design, MARA University of Technology. They discussed about their knowledge and experience in photography. This causal styled 4 hour session helped to instill interest to take up photography as a profession among photography enthusiasts. Participants of the forum also had photo taking handon session around Pustaka to enhance their skills. They were also encouraged to participate in a photography competition, which was held in conjunction with the official launch of U-Pustaka. The session was also organized to indirectly promote Pustaka as knowledge centre and to give awareness to the young generations on the importance of knowledge sharing.*




## PROGRAM LAN BERAMBEH BERSAMA PUSTAKA

Pustaka telah mengadakan program "Lan Berambeh Bersama Pustaka" di Politeknik Mukah pada 9 Julai 2011. Program ini merupakan satu daripada pendekatan untuk memenuhi keperluan keahlian korporat Pustaka yang berada diluar kawasan Kuching. Di samping mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka, program ini berperanan sebagai satu daripada saluran untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai bagaimana untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan dengan cara yang tepat dan sahih serta membina kecemerlangan dalam pembelajaran melalui aktiviti-aktiviti yang menarik. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Kempen Keahlian U-Pustaka, promosi perkhidmatan Pustaka secara dalam talian, Kuiz Kenali Pustaka, penjualan produk Siri Sarawakiana, taklimat Cabaran Membaca Satu Buku Sebulan, Kelas Literasi Maklumat dan Bacaan Kegemaran Saya. Melalui program ini Pustaka bukan sahaja mendapat manfaat tetapi secara tidak langsung dapat menjalankan tanggungjawab sosialnya kepada komuniti di sekitarnya. Selain itu, Pustaka dapat mendidik masyarakat untuk cintakan ilmu dengan memberi pendedahan mengenai kaedah pencarian maklumat yang efektif dan efisien serta relevan dengan kehidupan seharian mereka.

## *LAN BERAMBEH PROGRAM WITH PUSTAKA*

*The "Lan Berambeh Bersama Pustaka", which literally means let's mingle with Pustaka, was held at Mukah Polytechnic on 9 July 2011. This program was one of Pustaka's approaches to fulfill the needs of its corporate members outside Kuching. Besides being a promotional tool, this program was also*

*used to educate the public on how to acquire information effectively and to develop learning excellence via interesting activities. Among the activities held were U-Pustaka membership drive, online promotion of Pustaka, quizzes, sales of Sarawakiana Series products, briefing on the One Book a Month Challenge, information literacy skill sessions and My Favourite Read. Through this program, Pustaka managed to fulfill its social obligations while reaping benefits. In addition to that, Pustaka had the opportunity to educate the public to love knowledge via exposure to effective information searching methods and socially relevant information.*





## CERAMAH KOMUNITI : RAMADHAN DATANG LAGI

Bersempena dengan kedatangan Ramadhan al-Mubarak pada tahun ini, Pustaka telah mengadakan satu sesi ceramah bertajuk "Ramadhan Datang Lagi" oleh Ustaz Zulhazlie Rambli dari Jabatan Agama Islam Sarawak pada 29 Julai 2011. Ramadhan merupakan bulan penuh berkat dan rahmat dari pelbagai sudut kebaikan. Umat Islam hendaklah mengambil keberkatan Ramadhan dari pelbagai sudut positif yang boleh memajukan Islam dan umat Islam. Bulan Ramadhan ini perlu digunakan sebaik mungkin untuk mendidik kembali peribadi manusia. Berpuasa di bulan Ramadhan merupakan jihad yang besar yang perlu dihadapi oleh setiap umat Islam. Ceramah ini bertujuan untuk mengupas dan berkongsi pelbagai isu berkaitan dengan hal ehwal Ramadhan. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta yang hadir dan penceramah. Sesi ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata dari Pustaka Negeri Sarawak kepada Ustaz Zulhazlie Rambli.

## *COMMUNITY TALK : RAMADHAN DATANG LAGI*

*In conjunction with the fasting month of Ramadhan, Pustaka organised a talk entitled "Ramadhan Datang Lagi", which literally means Ramadhan is back, on 29 July 2011. The talk was given by Ustaz Zulhazlie Rambli from the Sarawak Islamic Religion Department. Ramadhan is an Islamic holy month, filled with blessings and graces from every aspect. The Muslims are encouraged to positively use the blessings of Ramadhan for the good of Islam and all Muslims. Fasting during Ramadhan is a Jihad that must be performed by every Muslim. The talk touched on issues pertaining to Ramadhan. The afternoon session of the talk was filled with questions and-answers between the speaker and the participants. The talk was concluded with the presentation Pustaka's souvenir to Ustaz Zulhazlie Rambli.*





## FORUM USAHAWAN BUMIPUTERA : KEKANGAN DAN CABARAN DALAM INDUSTRI

Seramai 295 orang telah menghadiri "Forum Usahawan Bumiputera : Kekangan dan Cabaran Dalam Industri" yang telah diadakan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak pada 21 Jun 2011 yang lepas. Encik Mohammad Harriz, pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan bertindak sebagai moderator bagi forum ini. Tiga orang panel yang diundang untuk menjayakan forum ini adalah Encik Zainal Abidin Zainudin, Timbalan Presiden Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak, Encik Bisnu Majnis, Ketua Penolong Pengarah, MARA Negeri Sarawak dan Puan Hairuni Jamilah Shukri, pemilik Butik Anggun. Forum keusahawanan ini diadakan dengan tujuan untuk mengupas cabaran yang sering dihadapi oleh usahawan bumiputera dan menyebabkan perniagaan mereka tidak bertahan untuk tempoh yang lama. Disamping itu, forum ini juga memberi tunjuk ajar dan nilai-nilai positif yang seharusnya wujud dalam diri seorang usahawan bumiputera bagi meletakkan mereka setanding dengan usahawan bukan bumiputera. Para panel juga turut memberi tips-tips untuk menjadi usahawan yang berjaya dan lebih fokus kepada perniagaan yang diusahakan.

## *BUMIPUTERA ENTREPRENEURS : INDUSTRIAL DIFFICULTIES AND CHALLENGES*

*About 295 member of the public attended the "Forum Usahawan Bumiputera : Kekangan dan Cabaran Dalam Industri", which was held at Pustaka on 21 June 2011. Encik Mohammad Harriz, a lecturer from the Faculty of Business Administration, MARA University of Technology, moderatred the session. The panel of speakers consisted of Encik Zainal Abidin Zainudin, Deputy President of the Sarawak Bumiputrea Chamber of Commerce, Encik Bisnu Majnis, Principal Assistant Director of Sarawak MARA and Puan Hairuni Jamilah Shukri, owner of Butik Anggun. This entrepreneurial forum aimed to discuss about the challenges and difficulties that threatened the businesses of bumiptera entrepreneurs. The forum also touched on the positive values and practices that would enable bumiputera entrepreneurs to be on par with their non-bumiputera counterparts. The speakers also elaborated on tips of how to become a succesfull entrepreneur.*





## INTERPARES 3 PROJECT, INTERNATIONAL JOINT, SUMMIT & SYMPOSIUM

Dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dan Universiti Teknologi MARA, Pustaka telah berjaya menganjurkan InterPARES 3 Project, International Joint Summit & Symposium di Pustaka pada 16 - 18 Jun 2011. Tema InterPARES 3 Project, International Joint Summit & Symposium adalah "Preserving Authentic Records in the Digital Environment : Preliminary Findings of the InterPARES 3 Project". Majlis perasmian program telah disempurnakan pada 17 Jun 2011 oleh YB Datin Hajah Fatimah Abdullah, Menteri di Jabatan Ketua Menteri, yang mewakili YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Majlis makan malam yang dihadiri oleh YB Datuk Amar Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, ahli InterPARES dan peserta simposium telah diadakan di Hilton Hotel. Seramai 130 orang peserta menghadiri simposium yan diadakan pada 17 - 18 Jun 2011. Peserta-peserta simposium terdiri daripada wakil-wakil jabatan Kerajaan Negeri Sarawak dan institusi di luar Sarawak seperti Indonesia, Brunei, Sabah serta Semenanjung Malaysia. Antara topik yand dibincangkan adalah mengenai rekod elektronik dan pengurusan arkib.

### *INTERPARES 3 PROJECT, INTERNATIONAL JOINT, SUMMIT & SYMPOSIUM*

*On 16 - 18 June 2011, Pustaka in collaboration with the Sarawak State Government and MARA University of Technology, successfully held the InterPARES 3 Project, International Joint Summit & Symposium at Pustaka Negeri Sarawak. The theme for InterPARES 3 Project, International Joint Summit & Symposium is "Preserving Authentic Records in the Digital Environment: Preliminary Findings of the InterPARES 3 Project". InterPARES 3 Summit & Symposium was launched on 17 June 2011 by the Chief Minister of Sarawak, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, who was represented by YB Datin Hajah Fatimah Abdullah, Minister in Chief Minister Department. There was also a welcoming dinner with YB Datuk Amar Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg. InterPARES members and participants of the summit and symposium at the Hilton Hotel, Kuching. About 130 participants attended the InterPARES Symposium on 17 - 18 Jun 2011. Participants included representatives from Sarawak Government departments and institutions outside Sarawak such as Indonesia, Brunei, Sabah and Penisular Malaysia. Topics that were presented included Electronic Records and Archives Management.*




### SEJARAH LISAN BERSAMA TUAN HAJI JELI BIN ABDULLAH

Sejarah lisan merupakan salah satu inisiatif Pustaka dalam pembangunan koleksi Sarawakiana. Pada 1 Julai 2011 yang lepas, Unit Sarawakiana telah mengadakan sejarah lisan bersama Tuan Haji Jeli Bin Abdullah atau nama asalnya Mike @ Dandi Michael Tiong, iaitu salah seorang daripada kanak-kanak tahanan perang semasa pendudukan Jepun di Sarawak pada tahun 1942 hingga 1945. Sesi temu ramah ini diadakan di Pusat Sumber Maklumat, Pustaka Negeri Sarawak pada jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi yang dikendalikan oleh Puan Dayangku Horiah Awang Gani, Aidashermilla binti Hashim, Suhaili Bin Haji Morsidi, Amir Hamzah bin Ahmad. Turut bersama menemuramah pada hari tersebut adalah pelajar praktikal dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Puncak Perdana, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, iaitu Aslinda Mohamad Ali Rahman dan Helisa Nohes.

### *ORAL HISTORY WITH TUAN HAJI JELI BIN ABDULLAH*

*Oral history is one of the approaches adopted by Pustaka to develop its local collection called Sarawakiana. On 1 July 2011, the Sarawakiana Unit organized an oral history session with Tuan Haji Jeli Bin Abdullah or Mike @ Dandi Michael Tiong, one of the children prisoners of war during the Japanese occupation of Sarawak in 1942 – 1945. The interview session was held at the Information Resource Centre, Pustaka from 9:00 am till 11:30 am and managed by Puan Dayangku Horiah Awang Gani, Aidashermilla binti Hashim, Suhaili Bin Haji Morsidi and Amir Hamzah bin Ahmad. Two practical training students, Aslinda bt. Mohamad Ali Rahman dan Helisa ak Nohes from the Faculty of Information Management, Puncak Perdana Campus, MARA University Technology, Shah Alam, were also involved in the interview session.*




### WIRA SARAWAK : ROSLI DHOBY DIINGATI DI PUSTAKA MIRI

Pustaka Miri telah menarik perhatian 5,000 pengunjung pada 12 September hingga 28 Oktober 2011 apabila ia menganjurkan pameran khas "Pahlawan Sarawak : Rosli Dhobi Dikenang". Pameran tersebut telah diadakan bersempena dengan Hari Malaysia dengan harapan untuk mencetus semangat patriotik dan cintakan tanah air. Pengelolaan pameran berkenaan telah dibantu oleh Encik Lucas Johnny, seorang pengumpul barang-barang antik yang tidak asing di Miri. Encik Lucas Johnny yang juga saudara dekat mendiang Rosli Dhoby, telah mempamerkan koleksi peribadi beliau mengenai pahlawan Sarawak kelahiran Sibu itu. Pengunjung pameran, termasuk pelajar dan kanak-kanak telah mendapat informasi mengenai patriot tersebut dari Encik Lucas Johnny sendiri. Beliau amat berbesar hati kerana dapat berkongsi maklumat mengenai pengorbanan serta perjuangan mendiang sepupunya dalam menentang pemerintahan British.

### *SARAWAK HERO : REMEMBERING ROSLI DHOBY*

*Pustaka Miri attracted some 5,000 visitors throughout 12 September until 28 October 2011 when the library organized a special exhibition on "Sarawak Hero : Remembering Rosli Dhoby". The exhibition was in conjunction with the commemoration of Malaysia Day and with hope to instill patriotic spirit as well as love for the state of Sarawak and Malaysia in general. The exhibition, which was held at the library, was made possible with the assistance of Miri's renowned antique collector Lucas Johnny. Lucas, who is also a close relative of the late Rosli Dhoby, put on display some of his personal collections of items and articles on the Sibu hailed hero. Visitors, including students and children, to the exhibition were also able to find out more about the patriot by approaching Lucas at the venue. He was more than pleased to share information on his late cousin's heroic contributions in liberating Sarawak from the British.*




### CERAMAH KOMUNITI : ARTHRITIS

Pustaka telah menganjurkan ceramah kesihatan bertajuk "Arthritis" pada 29 September 2011 bertempat di Pustaka. Penceramah jemputan bagi ceramah ini adalah Dr. Francis Ting dari Normah Medical Specialist Centre. Arthritis adalah keradangan pada sendi-sendi. Terdapat pelbagai jenis arthritis. Golongan tua dan muda boleh mendapat artritis. Arthritis yang paling lazim ialah arthritis reumatoid dan osteoarthritis. Ia biasanya mendatangkan kesakitan, kemerahan, bengkak dan kekejangan sendi. Antara gejala serangan penyakit arthritis adalah sakit sendi, sendi membengkak, susah untuk bergerak seperti biasa, sakit bila sekeliling sendi ditekan dan sebagainya. Sesi ceramah ini mengupas mengenai faktor, gejala, simptom dan kaedah perawatan untuk penyakit arthritis secara ringkas. Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta

yang hadir dan penceramah. Sesi ini diakhiri dengan penyampaian cenderamata dari Pustaka kepada Dr. Francis Ting.

### *HEALTH TALK : ARTHRITIS*

*On 29 September 2011, Pustaka successfully held a health talk entitled "Arthritis". The talk was given by Dr. Francis Ting from Normah Medical Specialist Centre. Arthritis is inflammation of 1 or more joints and there are many forms of this medical disorder. The most common forms of arthritis are rheumatoid arthritis and osteoarthritis Regardless of the forms, the common symptoms for all arthritis disorders include varied levels of joint pain, swelling of the joints, joint stiffness and sometimes a constant ache around the joints. During the talk, the speaker discussed about the symptoms, causes and treatment of arthritis. The afternoon session of the talk was filled with questions and answers between the audience and the speaker. The talk was concluded with the handing over of a token of appreciation to Dr. Francis Ting by Pustaka.*





### BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA SELEBRITI : DAUS AF8

Bersempena dengan penganjuran Hari Bersama Pelanggan Pustaka pada 15 Oktober 2011 di Godown Amphitheatre, Tebingan Kuching, satu slot aktviti yang diselitkan adalah Sesi Bacaan Kegemaran Saya Bersama Selebriti : Daus AF8. Aktiviti diadakan bertujuan untuk mempromosikan dan memupuk minat membaca di kalangan masyarakat. Selebriti yang dijemput khas untuk sesi ini adalah Encik Muhamad Shahril Firdaus bin Eli atau lebih dikenali dengan nama Daus AF. Beliau membentangkan buku yang bertajuk "55 Petua Orang Berjaya" oleh Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah dan Ahmad Fadzli Yusof. Buku tersebut mengupas mengenai usaha gigih adalah penting dalam mencapai kejayaan dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Disamping berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan impian masing - masing. Turut membentangkan buku pada hari tersebut adalah Pn Alvaena Valentine, staf Pustaka dengan bukunya yang bertajuk "Ilham Hati" hasil nukilan Damya Hanna. Buku ini juga berkisar mengenai pentingnya usaha gigih dan tidak mudah berputus asa dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Sesi pada hari tersebut mendapat sambutan meriah daripada pengunjung yang mengunjungi kawasan Tebingan Kuching.

### *MY FAVOURITE READ WITH CELEBRITY : DAUS AF8*

*In conjunction with Pustaka's Customer Day at Godown Amphitheater, Kuching Waterfront on 15 October 2011, a special vent, "My Favourite Read With Celebrity : Daus AF8" was held to add excitement to the program. This event aimed to inculcate reading habit among the community. A local celebrity called upon for the event was Encik Muhamad Shahril Firdaus bin Eli, better known as Daus AF. He talk ed about his favourite book entitled "55 Petua Orang Berjaya", written by Dato' Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah and Ahmad Fadzli Yusof. The book was about the importance of working hard and having strong will to achieve success in life. During the event, Puan Alvaena Valentine, a staff of also talked about her favourite book "Ilham Hati ". This book was written by Damya Hanna and it discussed about the importance of hard work and continuous effort in achieving our goals. The event received a good response from the members of the public that frequented the Kuching Waterfront.*





### CERAMAH POTENSI & PELUANG PASARAN PRODUK HERBA DI MALAYSIA

Seramai 144 orang telah menghadiri sesi ceramah yang bertajuk "Potensi & Peluang Pasaran Produk Herba di Malaysia" yang telah diadakan di Pustaka pada 12 Oktober 2011. Penceramah untuk sesi ceramah tersebut adalah Dr. Chua Hun Pin yang merupakan seorang Pegawai Penyelidik Prinsipal dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Sesi ceramah ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kelebihan produk herba bukan sahaja untuk kesihatan malah boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan. Penceramah turut berkongsi mengenai tumbuh-tumbuhan herba yang boleh dijadikan produk kesihatan dan mendapat tempat di pasaran Malaysia. Selain itu, beliau turut memberi tips dan berkongsi pengetahuan kepada jemputan mengenai teknik mengenali tumbuh-tumbuhan herba dan badan yang bertanggungjawab untuk dirujuk sekiranya mempuanyai kemusyikalan mengenai tumbuhan herba sebelum dijadikan produk kesihatan.

### *MARKET POTENTIAL AND OPPORTUNITY OF HERBAL PRODUCTS IN MALAYSIA*

*About 144 memebers of the public attended the "Potensi & Peluang Pasaran Produk Herba di Malaysia" talk on 12 October 2011 at Pustaka. The talk was given by Dr. Chua Hun Pin, a principal research officer from the Agricultural Research and Development Institute of Malaysia. The talk aimed to inform the public about the advantages of herbal products, both for health and commercial purposes. The speaker discussed about the various herbs which could be used for health products that of commercial value in Malaysia. The speaker also talked about on tips and techniques in identifying the various types of herbs and the government agency that could be referred to for further information.*





### HARI TERBUKA ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Pada 8 Oktober 2011, Hari Terbuka Orang Kelainan Upaya (OKU) telah diadakan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Bau. Program ini merupakan anjuran bersama antara Pustaka dan PDK Bau dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak. Program ini berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Pelbagai aktiviti yang diadakan bersempena dengan Hari Terbuka OKU ini, antaranya adalah pameran oleh Pustaka, kempen keahlian Pustaka dan promosi perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, satu sesi ceramah yang disampaikan oleh Puan Ng Kui Choo, wakil negeri bagi Persatuan Sindrom Down Malaysia yang bertajuk "Travelling the Road Not Chosen". Puan Ng berkongsi maklumat mengenai penjagaan kanak - kanak istimewa dan pengalaman beliau sendiri menguruskan anak perempuannya yang mengidap Sindrom Down. Antara aktiviti lain yang turut berlangsung adalah pertandingan mewarna dan

persembahan yang bertemakan "Pop Ye Ye". Diselitkan juga aktiviti penjualan barangan kraf dan makanan yang dihasilkan oleh setiap pusat pemulihan.

### *SPECIAL NEEDS OPEN DAY*

*On 8 October 2011, the Special Needs Open Day was held at the Bau Community Rehabilitation Centre. The program was co - organised by Pustaka, Bau Community Rehabilitation Centre and the Department of Community Services of Sarawak. The program was held from 8:00 am. untill 5:00 pm. Various activities were held, among which were exhibition, membership drive and promotion of Pustaka' services for the various levels of society. There was also a talk entitled "Travelling the Road Not Chosen" by Puan Ng Kui Choo, state representative for the Down Syndrom Association of Malaysia. Puan Ng shared her knowledge on how to take care of special needs children. She also talked about her experience in taking care of a daughter of hers who had Down Syndrom. Other activites included colouring competition, "Pop Ye Ye" styled concert, sales of handicrafts and food products produced by the various community rehabilitation centres.*







### HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA KARNIVAL JALUR LEBAR 1 MALAYSIA

Pustaka amat berbesar hati kerana telah dijemput oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia bersama dengan Telekom Malaysia Berhad untuk menyertai Karnival Jaluar Lebar 1 Malaysia pada 29 - 30 Oktober 2011 di Dataran Bandar Sibu. Lebih kurang 200 orang pengunjung telah datang ke tapak pameran Pustaka Negeri Sarawak yang menyediakan pameran perkhidmatan-perkhidmatan, penjualan produk Siri Sarawakiana, kempen keahlian Pustaka dan kuiz. Pameran yang melibatkan beberapa buah syarikat telekomunikasi yang terkemuka di Malaysia dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain ternyata dapat mengeratkan lagi talian hubungan yang baik di antara satu sama lain.

### *CUSTOMER DAY IN CONJUNCTION WITH THE 1 MALAYSIA BROADBAND CARNIVAL*

*Pustaka was proud and honoured to be invited by the Ministry of Information, Communications and Culture, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, together with Telekom Malaysia Berhad to participate in the 1 Malaysia Broadband Carnival on 29 - 30 Oktober 2011 at Sibu Town Square. About 200 members of the public visited Pustaka's booth where information about library services was displayed, Sarawakiana Series products was on sale, membership drive and quizzes were held. Other exhibitors included major telecommunication companies in the country, government departments and agencies.*





### LITERASI U-PUSTAKA

Unit Perkhidmatan Maklumat Niaga, Pustaka telah mengadakan program literasi U-Pustaka untuk pelajar sekolah menengah dan rendah di kawasan Kuching, Sri Aman, Betong, Saratok dan Sarikei pada 25 - 28 Oktober 2011 manakala untuk kakitangan kerajaan pula pada 16 dan 21 November 2011. Program literasi tersebut diadakan untuk memberi pendedahaan kepada masyarakat umum mengenai perkhidmatan U-Pustaka yang membolehkan masyarakat umum mendapat ilmu dan memupuk minat membaca tidak kira dimana sahaja mereka berada. Oleh itu, pendedahan kepada kakitangan kerajaan, pelajar sekolah rendah dan menengah diadakan di Perpustakaan Jalur Lebar yang terdapat di daerah Sri Aman, Betong, Saratok dan Sarikei. Maklum balas yang diberikan oleh masyarakat umum mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh u-Pustaka amatlah memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa betapa masyarakat Sarawak begitu berminat untuk menimba ilmu pengetahuan tidak kira dengan apa kaedah sekalipun.

### *PUSTAKA NEGERI SARAWAK ORGANIZES U-PUSTAKA LITERACY*

*The Business Information Services Unit of Pustaka conducted the U-Pustaka literacy program for secondary and primary school students in Kuching, Sri Aman, Betong, Saratok and Sarikei district on 25 - 28 Oktober 2011. Similar program was held for government officers on 16 and 21 November 2011. The program aimed to introduce U-Pustaka services to the public. U-Pustaka enabled users to have access to information and knowledge wherever they were and whenever they needed it. The program was held at broadband libraries in Sri Aman, Betong, Saratok and Sarikei districts to enable users to have realtime experience of the U-Pustaka services. The sessions received overwhelming responses from the public.*





### PAMERAN FOTOGRAFI INTERKTIF "MEMORIES OF BARAM"

Pustaka Miri merupakan penganjur bersama dan tempat pameran fotografi yang bertajuk "Memories of Baram". Pameran tersebut diadakan pada 8 - 18 November 2011. Sebanyak 400 keping gambar yang diambil di sekitar hulu Baram dan Tinjar pada tahun 1950 hingga 1978 telah dipamerkan. Gambar - gambar tersebut adalah mengenai komuniti di Long San, Long Atun, Long Buroi, Long Jegan, Long Kiput, Long Loyang, Long Teru, Long Makabar, Long Selatong, Long Soheng, Long Miri, Long Laput, Long Liam, Long Moh dan beberapa kampung serta rumah panjang lain. Ia merupakan koleksi arkib Muzium Sarawak. Orang awam, terutama sekali dari keturunan suku kaum Kenyah, Kayan dan Berawan dipelawa untuk terlibat dalam pengajuran dengan mengemukakan komen serta maklum balas bagi pengdokumentasian sejarah dan budaya komuniti-komuniti yang diketengahkan. Penganjur utama dan kurator pameran adalah Christine Horn, seorang penyelidik doktor falsafah.

### *MEMORIES OF BARAM" INTERACTIVE PHOTOGRAPH EXHIBITION*

*Starting 8 until 18 November 2011, Pustaka Miri was the co-organizer and venue for a Photographic Exhibition entitled "Memories of Baram". Some 400 photographs featured were those archived by the Sarawak Museum which were taken between 1950 and 1978 in the upper Baram and Tinjar areas and had never been exhibited before. These images were from communities of Long San, Long Atun, Long Buroi, Long Jegan, Long Kiput, Long Liyang, Long Teru, Long Makabar, Long Selatong, Long Sobeng, Long Miri, Long Laput, Long Liam, Long Moh and other villages as well as longhouses. Members of the public, especially those of Kenyah, Kayan and Berawan heritage, were invited to participate in the exhibition by giving comments and feedback to help document the history and culture of the community featured. The exhibition was part of a research project carried out by Swinburne University of Technology. The main organizer and curator of the exhibition was PhD. researcher.*

## Pencapaian Penyerahan Bahan

## *Legal Deposits Highlights*





### LAWATAN PENGUATKUASAAN KESEDARAN PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN DI LIMBANG

Pada 29 dan 30 Jun 2011 Bahagian Penyerahan Bahan-bahan Terbitan Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka telah mengadakan Lawatan Penguatkuasaan Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan di Limbang. Objektif penguatkuasaan ini adalah untuk memberi penerangan dan kefahaman tentang keperluan, faedah dan implikasi kegiatan serahan bahan, meningkatkan kesedaran tentang perlunya terbitan mengenai Sarawak dikumpul dan dipelihara sebagai warisan intelek bangsa, menjalin kerjasama di kalangan penerbit dan Pustaka, memperjelaskan tanggungjawab mereka terhadap keperluan yang termaktub di bawah Sarawak State Library Ordinance, 1999 dan memberi penjelasan tentang peranan Pustaka sebagai Pusat Penyerahan Negeri. Lawatan penguatkuasaan telah diadakan di 4 buah jabatan kerajaan dan dua buah sekolah di Limbang iaitu Jabatan Pendaftaran Negara Limbang, Pejabat Tenaga Kerja Limbang, Pejabat Belia dan Sukan Limbang, Jabatan Pertanian Limbang, SMK Limbang dan SMK Agama Limbang.

### *LEGAL DEPOSIT AWARENESS ENFORCEMENT VISIT IN LIMBANG*

*On 29 – 30 June 2011, the Legal Deposit Division fo the Depository Services Sector went to Limbang Division to conduct the legal deposit awareness enforcement. The objectives of the program was to inform the relevant agencies about the statutory requirements, benefits and implications of legal deposits; to stress the importance of acquiring publications about Sarawak and preserving them as national heritage; to establish a good relationship with the publishers and inform them of their responsibilities as stipulated in the Sarawak State Library Ordinance 1999, to give explaination on the roles of Pustaka as a State Repositori. The enforcement visits were conducted at 4 government departments and 2 schools. i.e. the Limbang Division National Registration Department, Limbang Labour Office, Limbang Youth and Sport Office, Limbang Agriculture Department, Limbang Secondary School and Limbang (Agama) Secondary School .*





### SEMINAR KESEDARAN PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN DI DEWAN SUARAH, KOTA SAMARAHAN

Pada 25 dan 26 Oktober 2011 Bahagian Penyerahan Bahan-bahan Terbitan Sektor Perkhidmatan Depositori, Pustaka telah mengadakan Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-bahan Terbitan bertempat di Dewan Suarah Kota Samarahan. Seminar selama dua hari tersebut adalah anjuran bersama Pustaka dengan Pejabat Resident Samarahan. Objektif seminar adalah untuk memberi penerangan dan kefahaman tentang "Legal Deposit" seperti keperluan, faedah dan implikasinya meningkatkan kesedaran tentang perlunya terbitan negeri dikumpul untuk dipelihara sebagai warisan intelek bangsa menjalin hubungan kerjasama dengan penerbit memperjelaskan tanggungjawab penerbit terhadap keperluan yang yang termaktub di dalam Sarawak State Library Ordinance 1999 dan memberi penjelasan mengenai peranan Pustaka sebagai Pusat Penyerahan Negeri. Seminar tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan, Pustaka dan dihadiri oleh seramai 82 orang peserta dari agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, sekolah-sekolah dan orang awam. Pembentang kertas kerja seminar terdiri daripada wakil dari Pustaka, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Persembahan turut diadakan oleh Sekolah Menengah Kerakaan (SMK) Batu Kawa selaku salah satu daripada sekolah penerbit dan seterusnya disusuli dengan pelancaran buku terbitan SMK Batu Kawa iaitu "Qasidah Ramadhan & Syawal" oleh YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo. Pustaka juga mengadakan pameran yang turut melibatkan penyertaan daripada beberapa agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri dan Perbadanan Harta Intelek. Aktiviti-aktiviti lain yang diadakan sepanjang dua hari seminar tersebut adalah seperti Hari Bersama Pelanggan, Kuiz Sektor Perkhidmatan Depositori, demonstrasi pemprosesan bahan arkib, Program Bacaan Kegemaran Saya, sesi Kempen Galakan Membaca, Taklimat U-Pustaka, sesi Born To Read dan sesi Bercerita Bersama Kanak-kanak Tadika.

### *LEGAL DEPOSIT AWARENESS SEMINAR AT KOTA SAMARAHAN CIVIC CENTRE*

*On 25 and 26 October 2011, the Legal Deposit Division, Depository Services Sector of Pustaka held the Legal Deposit Awareness Seminar at Kota Samarahan Civic Centre. The 2 day seminar was a joint effort between Pustaka and Samarahan Resident Office. It aimed to give explaination and improve understanding on the requirements, benefits and implications of legal deposit; improve awareness on the importance of acquiring and preserving State intellectual heritage; to foster good relationships with the publishers and to clarify their responsilities as stipulated in the Sarawak State Library Ordinance 1999; and to explain*

*the roles of Pustaka as a Legal Deposit Centre. The seminar was officiated by YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo, Chairman to the Board of Management of Pustaka and attended by 82 participants from government agencies, the private sector, non-government organizations, schools and individuals. The paper presenters comprised of representatives from Pustaka, Intellectual Property Corporation of Malaysia, National Library of Malaysia, Ministry of Internal Affairs and the Law Faculty of MARA University of Technology, Shah Alam. During the program, there was a presentation from Batu Kawa Secondary School followed by the official launch of a book entitled "Qasidah Ramadhan & Syawal", written by YBhg. Tan Sri Datuk Amar Hamid Bugo and published by Batu Kawa Secondary School. Pustaka also organized an exhibition that involved exhibitors from the Ministry of Internal Affairs and the Intellectual Property Corporation of Malaysia. Other side activities held during the 2 day seminar were Customer Day, Depository Services Sector Quizze, demonstrations of the processing of archive materials, My Favourite Read, Reading Promotion Campaign session, briefings on u-Pustaka, Born To Read session and Story Telling with Kindergarten Children.*



# BAHAGIAN C / *PART C*

Ringkasan Statistik Korporat / *Corporate Statistical Summary*

## Ringkasan Statistik Korporat
## *Corporate Statistical Summary*

### Kakitangan Setakat 31 Disember 2011 / *Staff Strength as of 31 December 2011:*

| | Tetap (JBC) / *Permanent* | Sukarelawaan / *Volunteer* | Kontrak / *Contract* | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|---|
| Pustaka Negeri Sarawak | 71 | 11 | 29 | **111** |
| State Records Repository | 6 | 3 | 8 | **17** |
| Pustaka Miri | 23 | 2 | 12 | **37** |

### Bilangan Kursus Umum & Khusus Setakat Disember 2011 / *Number of Generic & Specific training as of December 2011*

| | Jenis Latihan / *Types of Training* | | | |
|---|---|---|---|---|
| Bulan / Month | Umum 2010 / *Generic 2010* | Khusus 2010 / *Specific 2010* | Umum 2011 / *Generic 2011* | Khusus 2011 / *Specific 2011* |
| Januari | 2 | 3 | 1 | 9 |
| Februari | 2 | 1 | 0 | 4 |
| Mac | 6 | 10 | 7 | 8 |
| April | 4 | 15 | 2 | 11 |
| Mei | 1 | 10 | 1 | 5 |
| Jun | 6 | 10 | 2 | 9 |
| Julai | 4 | 14 | 1 | 10 |
| Ogos | 4 | 7 | 0 | 0 |
| September | 2 | 8 | 2 | 4 |
| Oktober | 9 | 11 | 2 | 5 |
| November | 2 | 5 | 4 | 6 |
| Disember | 1 | 6 | 4 | 10 |
| **Jumlah / *Total*** | **43** | **100** | **26** | **81** |

### Jumlah Latihan / *Number of Training Conducted*

| | 2010 | 2011 |
|---|---|---|
| Jumlah kursus dijalankan / *No. of training conducted* | 143 | 107 |
| Jumlah staf dilatih / *No. of staff trained* | 157 | 148 |

### Jumlah / Kekerapan berkursus setakat Disember 2011 / *Total number / Frequency of persons trained as of December 2011*

| | Bilangan Staf Yang Dilatih / *Number of Persons Trained* | | | |
|---|---|---|---|---|
| Bulan / *Month* | Pegawai A dan B / *A and B Officers 2010* | Staf Sokongan / *Support Group 2010* | Pegawai A dan B / *A and B Officers 2011* | Staf Sokongan / *Support Group 2011* |
| Januari | 37 | 33 | 44 | 11 |
| Februari | 9 | 38 | 10 | 10 |
| Mac | 33 | 40 | 41 | 78 |
| April | 38 | 52 | 42 | 70 |
| Mei | 22 | 37 | 10 | 10 |
| Jun | 31 | 63 | 29 | 13 |
| Julai | 4 | 14 | 38 | 28 |
| Ogos | 4 | 7 | 0 | 0 |
| September | 2 | 6 | 25 | 1 |
| Oktober | 22 | 50 | 9 | 3 |
| November | 12 | 53 | 37 | 71 |
| Disember | 12 | 22 | 41 | 42 |
| **Jumlah / *Total*** | **226** | **415** | **326** | **337** |

**Penggunaan Kemudahan Pustaka Negeri Sarawak / *Usage of Facilities in Pustaka Negeri Sarawak***

| No. | Fasiliti / *Facilities* | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|
| 1 | Auditorium / *Auditorium* | 55 | 66 |
| 2 | Persidangan 1 / *Conference 1* | 49 | 72 |
| 3 | Persidangan 2 / *Conference 2* | 20 | 11 |
| 4 | Persidangan 3 / *Conference 3* | 16 | 8 |
| 5 | Bilik Latihan ICT / *ICT Training Room* | 33 | 155 |
| 6 | Galeri Pustaka / *Pustaka Gallery* | 95 | 81 |
| 7 | Seminar 1 / *Seminar 1* | 8 | 41 |
| 8 | Seminar 2 / *Seminar 2* | 3 | 2 |
| 9 | Seminar 1 dan 2 / *Seminar 1 and 2* | 67 | 47 |
| 10 | Lain-lain (Komputer / Bilik Perbincangan / Kerusi bankuet) / *Others (Computers / Discussion Rooms / Banquet Chairs)* | 512 | 8,846 |
| | **Jumlah / *Total*** | **858** | **9,329** |

**Penggunaan Kemudahan Pustaka Miri / *Usage of Facilities in Pustaka Miri***

| No. | Fasiliti / *Facilities* | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|
| 1 | Auditorium / *Auditorium* | 112 | 118 |
| 2 | Bilik AV / *AV Room* | 99 | 104 |
| 3 | Bilik Serbaguna / *Multipurpose Room* | 83 | 49 |
| 4 | Bilik Mesyuarat / *Meeting Room* | 178 | 137 |
| 5 | Bilik Perbincangan / *Discussion Room* | 781 | 642 |
| | **Jumlah / *Total*** | **1,283** | **1,050** |

**Ringkasan Statistik Keahlian / *Membership Statistical Summary*:**
**Bilangan Ahli Baru / *Number of New Members***

| | 2010 | 2011 |
|---|---|---|
| Kuching | 2,180 | 1,752 |
| Miri | 1,246 | 1,127 |
| **Jumlah / *Total*** | **3,426** | **2,879** |

**Bilangan Ahli Yang Berdaftar / *Number of Registered***

| | 2010 | 2011 |
|---|---|---|
| Kuching | 180,362 | 191,285 |
| Miri | 17,653 | 18,752 |
| **Jumlah / *Total*** | **198,015** | **210,037** |

**Bilangan Ahli Yang Aktif / *Number of Active Members***

| | 2010 | 2011 |
|---|---|---|
| Kuching | 4,671 | 3,880 |
| Miri | 2,818 | 2,374 |
| **Jumlah / *Total*** | **7,489** | **6,254** |

## Ringkasan Statistik Utama / *Visits Statistical Summary*: Bilangan Pengguna / Pengunjung / *Number of Users / Visitors*:

| | 2010 | | | 2011 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengguna Dalaman / *Onsite Users* | Pengguna Kaunter / *Counter Users* | Pelawat / *Visitors* | Pengguna Dalaman / *Onsite Users* | Pengguna Kaunter / *Counter Users* | Pelawat / *Visitors* |
| Kuching | 299,693 | 21,481 | 2,824 | 263,441 | 18,172 | 3,696 |
| Miri | - | 58,383 | 1,266 | - | 56,336 | 1,387 |
| **Jumlah / *Total*** | **299,693** | **79,864** | **4,090** | **263,441** | **74,508** | **5,083** |

## Ringkasan Statistik Sirkulasi / *Circulation Statistical Summary* Bilangan Transaksi Sirkulasi / *Number of Circulation Transactions*

| | 2010 | | | 2011 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pinjaman / *Check In* | Pemulangan / *Check Out* | Penggunaan Dalaman / *In House Use* | Pinjaman / *Check In* | Pemulangan / *Check Out* | Penggunaan Dalaman / *In House Use* |
| Kuching | 86,364 | 86,776 | 17,396 | 82,186 | 82,028 | 16,272 |
| Miri | 37,426 | 40,974 | 2,726 | 37,546 | 37,848 | 3,494 |
| **Jumlah / *Total*** | **123,790** | **127,750** | **20,122** | **119,732** | **119,876** | **19,766** |

## Ringkasan Statistik Aktiviti / *Activity Statistical Summary*

| | 2010 Bilangan Aktiviti / *No. of Activities* | | 2011 Bilangan Aktiviti / *No. of Activities* | |
|---|---|---|---|---|
| | Kuching | Miri | Kuching | Miri |
| Literasi Maklumat / *Information Literacy* | 23 | 26 | 35 | 5 |
| Pameran / *Exhibitions* | 47 | 20 | 36 | 32 |
| Ceramah / *Talks* | 30 | 29 | 23 | 19 |
| Forum / *Forum* | 2 | 1 | 2 | 1 |
| Bengkel / *Workshop* | 3 | 10 | - | 7 |
| Program Golongan Khas / *Special Needs Program* | 33 | - | 31 | - |
| Aktiviti Kanak-Kanak / *Children Activities* | 168 | 105 | 126 | 98 |
| Program Belia / *Youth Program* | 3 | 9 | 6 | 4 |
| Tayangan Video / *Video Screening* | 114 | - | 64 | 1 |
| Bacaan Kegemaran Saya / *My Favourite Read* | 40 | 2 | 36 | 4 |
| Program Jangkauan Ilmu / *Outreach Program* | 31 | 11 | 13 | 9 |
| Rakan Pintar / *Smart Partnership* | 48 | 25 | 30 | 18 |
| **Jumlah / *Total*** | **542** | **238** | **402** | **198** |

## Ringkasan Statistik Perkhidmatan Rujukan / *Reference Services Statistical Summary*

| | 2010 | | | 2011 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Reference Desk | librarian@sarawaknet | GENIE | Reference Desk | librarian@sarawaknet | GENIE |
| Kuching | 2,626 | 953 | - | 2,704 | 766 | - |
| Miri | 6,613 | 2 | - | 2,429 | - | - |
| **Jumlah / *Total*** | **9,239** | **955** | **-** | **5,133** | **766** | **-** |

## Ringkasan Statistik Koleksi / *Collection Statistical*
## Bilangan Koleksi Mengikut Kategori / *Number of Collection by Category*

| | Kuching | | Miri | |
|---|---|---|---|---|
| | Bercetak / *Print* | Bukan Bercetak / *Non-print* | Bercetak / *Print* | Bukan Bercetak / *Non-print* |
| 2010 | 159,409 | 10,386 | 37,646 | 2,018 |
| 2011 | 171,462 | 10,938 | 39,609 | 2,128 |

## Ringkasan Statistik Item / *Items Statistical Summary*
## Bilangan Pembelian Barang Mengikut Tajuk / *Number of Items Purchased by Title*

| | Kuching | Miri |
|---|---|---|
| 2010 | 8,223 | 1,748 |
| 2011 | 10,890 | 2,298 |

## Ringkasan Statistik Barang Diproses / *Processing Items Statistical Summary*
## Bilangan Barang Diproses / *Number of Processing Items*

| | Kuching | Miri |
|---|---|---|
| 2010 | 24,552 | 5,539 |
| 2011 | 17,348 | 4,346 |

## Ringkasan Statistik Penggunaan Jurnal / *Journal Usage Statistical Summary*
## Bilangan Penggunaan Jurnal / *Number of Journal Usage*

| | Kuching | | Miri | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan Jurnal *Quantity of Journals* | Penggunaan Jurnal *Journal Usage* | Bilangan Jurnal *Quantity of Journals* | Penggunaan Jurnal *Journal Usage* |
| 2010 | 475 | 403 | 35 | 2,223 |
| 2011 | 571 | 417 | 35 | 922 |

## Ringakasan Statistik Penggunaan Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Database Usage Statistical Summary*

| No. | Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Databases* | 2010 | 2011 | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | BRITISH STANDARD ONLINE | 111 | 45 | **156** |
| 2 | BRITANNICA ONLINE | 192 | 76 | **268** |
| 3 | EMERALD | 854 | 314 | **1,168** |
| 4 | GLOBAL PERIODICAL | 173 | 69 | **242** |
| 5 | GROLIER ONLINE | 67 | 34 | **101** |
| 6 | GALE DATABASE | 264 | 194 | **458** |
| 7 | KEESING'S WORLD NEWS ARCHIVE | 33 | 19 | **52** |
| 8 | LIBRARY PRESS DISPLAY | 460 | 299 | **759** |
| 9 | OCLC | 146 | 32 | **178** |
| 10 | OXFORD ENG DIC | 72 | 32 | **104** |
| 11 | OXFORD ISLAMIC STUDIES ONLINE | 10 | 11 | **21** |
| 12 | OXFORD REF ONLINE | 51 | 23 | **74** |
| 13 | GEOLOGY | 35 | 6 | **41** |
| 14 | SAGE | 149 | 49 | **198** |
| 15 | INFORMA WORLD | 127 | 69 | **196** |
| 16 | MARKETLINE | 65 | 15 | **80** |
| 17 | BOOKS 24X7 | 173 | 113 | **286** |
| 18 | CAB EBOOKS | 46 | 28 | **74** |
| 19 | IGI GLOBAL INFOSCI BOOK | 25 | 13 | **38** |
| 20 | NET LIBRARY | 207 | 82 | **289** |



PUSTAKA NEGERI SARAWAK
3 2000 001155925

| No. | Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Databases* | 2010 | 2011 | Jumlah / *Total* |
|---|---|---|---|---|
| 21 | SOCIETY OF INDUSTRIAL & APPLIED MATHEMATICS (SIAM EBOOKS) | 17 | 16 | **33** |
| 22 | WORLD BOOK WEB | 217 | 179 | **396** |
| 23 | SCITECHNETBASE | 78 | 43 | **121** |
| 24 | CAMBRIDGE LAW JOURNAL | 15 | 5 | **20** |
| 25 | OXFORD PETROLOGY | 24 | 10 | **34** |
| 26 | RSC PUBLISHING | 8 | 9 | **17** |
| 27 | SPRINGER LINK | 33 | 129 | **162** |
| 28 | TESOL | 28 | 22 | **50** |
| 29 | CLJ LAW | - | 111 | **111** |
| 30 | UDLTHESIS | - | 89 | **89** |
| 31 | MS ONLINE SYSTEM | - | 38 | **38** |
| 32 | LAWNET | - | 9 | **9** |
| 33 | ACCESS LEARNING | - | 4 | **4** |
| 34 | CABI DESCRIPTION OF FUNGI AND BACTERIA | - | 20 | **20** |
| 35 | CAMBRIDGE EBOOKS | - | 31 | **31** |
| | **Jumlah / *Total*** | **3,680** | **2,238** | **5,918** |

## Statistik Capaian Jarak Jauh Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Database Remote Access Statistics*

| Tempat/Bilangan Sesi<br>*Location/Session Count* | 2010 | 2011 |
|---|---|---|
| Internet | 2,509 | 2,227 |
| Pustaka Miri | 512 | 436 |
| Pustaka | 927 | 419 |
| Sarawaknet | 244 | 707 |
| **Jumlah / *Total*** | **4,192** | **3,789** |

## Ringkasan Statistik Serahan Bahan / *Legal Deposit Statistical Summary*
## Ringaksan Statistik Aktiviti Serahan Bahan / *Legal Deposit Activities Statistical Summary*

| No. | Aktiviti / *Activities* | 2010 | 2011 | Jumlah / *Total* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Penguatkuasaan / *Enforcement* | 22 | 16 | **38** |
| 2 | Seminar Legal Deposit / *Legal Deposit Seminar* | 1 | 1 | **2** |
| 3 | Pameran Mini (Terbitan) / *Mini Exhibition (for hardcopy)* | 12 | 12 | **24** |
| 4 | Pameran Mini (Talian) / *Mini Exhibition (softcopy)* | 12 | 12 | **24** |
| 5 | Taklimat / *Briefing* | 1 | - | **1** |
| 6 | Khidmat Nasihat (untuk ISN) / *Advisory Services (for ISN)* | 102 | 13 | **115** |
| 7 | Tinjauan Bahan Terbitan Pasaran / *Market Screening* | 7 | 9 | **16** |
| 8 | Pemeriksaan Bahan LD / *Off-site Inspection* | 2 | 2 | **4** |
| 9 | Tinjauan Bahan Terbitan di Media / *Media Screening* | 248 | 244 | **492** |
| 10 | Penerimaan Bahan Legal Deposit (judul/kuantiti) / *Receiving of Legal Deposit Materials (titles/quantity)* | 265/1144 | 413/1847 | **678/2991** |
| 11 | Penerimaan Sarawak Government Gazette (judul/kuantiti) / *Receiving of Sarawak Government Gazette (titles/quantity)* | 133/663 | 137/685 | **270/1348** |
| 12 | Penerimaan Suratkhabar Legal Deposit / *Receiving of Legal Deposit Newspapers* | 10,364 | 8,486 | **18,850** |
| 13 | Kekerapan Pengarkiban Laman Web / *Frequency of Web Archiving* | 785 | 792 | **1,577** |
| 14 | Jumlah Laman Web Jabatan yang diarkib / *Total of website archiving* | 132 | 132 | **264** |
| 15 | Pengkatalogan Dalam Penerbitan / *Cataloguing in Publication (CIP)* | 35 | 4 | **39** |

### Penerimaan Bahan-Bahan Serahan / *Receipt of Legal Deposit Items*

| Jenis Item / *Item Types* | 2010 | | 2011 | |
|---|---|---|---|---|
| | Judul / *Titles* | Kuantiti / *Quantity* | Judul / *Titles* | Kuantiti / *Quantity* |
| Buku / *Books* | 56 | 250 | 37 | 177 |
| Terbitan Bersiri / *Serials* | 169 | 782 | 189 | 869 |
| Epimeral / *Ephemeral* | 43 | 148 | 16 | 41 |
| Bahan Yang Tidak Bercetak / *Unprinted Items* | 9 | 28 | 5 | 10 |
| Kertas Kerja / *Working Papers* | 4 | 20 | 3 | 11 |
| Sarawak Government Gazette | 137 | 683 | 137 | 685 |
| Laporan/Tesis / *Report/Thesis* | 1 | 5 | 26 | 54 |
| **Jumlah / *Total*** | **419** | **1,916** | **413** | **1,847** |

### Ringkasan Statistik Perkhidmatan Rujukan Depositori / *Depository Reference Services Statistical*

| No. Aktiviti / *Activities* | 2010 | 2011 | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|
| 1 Rujukan Kepada Bahan Arkib / *Reference to Archive Materials* | 216 | 57 | **273** |
| 2 Bilangan Rujukan Kepada Rekod Jabatan / *Numbers of Departmental Records referred to* | 290 | 421 | **711** |

### Penerimaan Suratkhabar Melalui Serahan Bahan dalam Tahun 2010 dan 2011 / *Receipt of Newspapers under Legal Deposit in 2010 and 2011*

| | International Times | | Berita Petang | | The Borneo Post | | Utusan Borneo | | See Hua Daily News | | Utusan Sarawak | | Eastern Times | | New Sarawak Tribune | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tahun / *Year* | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 | 2010 | 2011 |
| **Jumlah / *Total*** | **1783** | **1566** | **414** | - | **1768** | **1765** | **1763** | **1765** | **1784** | **1774** | **1754** | **1625** | **671** | - | **1075** | **1620** |

### Ringkasan Statistik Aktiviti Pengurusan Rekod / *Record Management Activities Statistical Summary*

| No. | Aktiviti / *Activities* | 2010 | 2011 | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Penilaian Rekod / *Appraisal of Records* | 3 | 4 | **7** |
| 2 | Mesyuarat / *Meetings* | 10 | 5 | **15** |
| 3 | Taklimat / Briefings | 10 | 11 | **21** |
| 4 | Penerimaan Senarai Pemindahan Rekod / *Receipt of Records Transfer List* | 4 | 6 | **10** |
| 5 | Lawatan Khidmat Nasihat / *Advisory Visits* | 12 | 22 | **34** |
| 6 | Pelupusan Rekod / *Disposals of Records* | 4 | 3 | **7** |
| 7 | Kursus Pengurusan Rekod / *Records Management Trainings* | 2 | 5 | **7** |
| 8 | Kekerapan Rujukan kepada Rekod Jabatan / *Frequency of Departmental Records Referred to* | 66 | * Take over by Archive Management | **66** |
| 9 | Pameran / *Exhibition* | 1 | 2 | **3** |

## Ringkasan Statistik Aktiviti Pengurusan Arkib / *Archives Management Activities Statistical Summary*

| No. | Aktiviti / *Activities* | 2010 | 2011 | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Fail Diterima / *Files Received* | 4,339 | 3,012 | **7,351** |
| 2 | Fail Diwasapkan / *Files Fumigated* | 4,339 | 2,936 | **7,275** |
| 3 | Bahan Diproses / *Processed Materials* | 2,588 | 6,114 | **8,702** |
| 4 | Pameran / *Exhibition* | 1 | 1 | **2** |
| 5 | Latihan / Bengkel / *Training / Workshop* | 0 | 1 | **1** |
| 6 | Pendigitan Bahan-Bahan Arkib Terpilih (Judul) / *Digitization of Selected Archive Materials (Titles)* | 278 | 8,576 | **8,854** |

Sebab-Sebab Paling Mungkin / *Probable Reasons* :

* Jumlah fail yang diterima dan diwasapkan bergantung kepada jumlah fail yang sudah bertaraf arkib untuk dipindah di setiap jabatan yang terlibat /
*The number of files received and fumigated depended on the number of files with archival value transferred by the departments.*

* Peningkatan dan penurunan jumlah bahan yang diproses bergantung kepada keadaan fizikal bahan /
*The increasing and decreasing number of files processed depended on the physical conditions and the thickness of the files.*

## Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan Awam / *Public Library Services Statistical Summary*

*Mobile Multimedia Services Unit (e-Pustaka) Beneficiaries*

| Bulan / *Month* | Tahun / *Year* | |
|---|---|---|
| | 2010 | 2011 |
| Januari / *January* | 242 | 220 |
| Februari / *February* | 510 | 425 |
| Mac / *March* | 681 | 977 |
| April / *April* | 1,007 | 949 |
| Mei / *May* | 856 | 830 |
| Jun / *June* | 417 | 711 |
| Julai / *July* | 1,054 | 1,035 |
| Ogos / *August* | 851 | 588 |
| September / *September* | 608 | 666 |
| Oktober / *October* | 1,072 | 1,035 |
| November / *November* | 395 | 329 |
| Disember / *December* | 293 | 148 |
| **Jumlah / *Total*** | **7,986** | **7,913** |

*Outreach Programs - Monitoring*

| Bulan / *Month* | Tahun / *Year* | |
|---|---|---|
| | 2010 | 2011 |
| Januari / *January* | 5 | 2 |
| Februari / *February* | 3 | 4 |
| Mac / *March* | 0 | 0 |
| April / *April* | 5 | 2 |
| Mei / *May* | 5 | 4 |
| Jun / *June* | 0 | 0 |
| Julai / *July* | 5 | 3 |
| Ogos / *August* | 3 | 6 |
| September / *September* | 1 | 1 |
| Oktober / *October* | 2 | 1 |
| November / *November* | 2 | 25 |
| Disember / *December* | 0 | 0 |
| **Jumlah / *Total*** | **31** | **48** |

**Bilangan Pameran & Pengunjung / *Number of Exhibitions and Visitors***

| | Tahun / Year | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2010 | | 2011 | |
| Bulan / *Month* | Unit / *Units* | Pelawat / *Visitors* | Unit / *Units* | Pelawat / *Visitors* |
| Januari / *January* | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Februari / *February* | 0 | 0 | 1 | 500 |
| Mac / *March* | 150 | 0 | 1 | 350 |
| April / *April* | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Mei / *May* | 0 | 0 | 1 | 300 |
| Jun / *June* | 0 | 0 | 2 | 650 |
| Julai / *July* | 2 | 450 | 0 | 0 |
| Ogos / *August* | 0 | 0 | 1 | 450 |
| September / *September* | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Oktober / *October* | 1 | 500 | 0 | 0 |
| November / *November* | 1 | 350 | 0 | 0 |
| Disember / *December* | 1 | 250 | 0 | 0 |
| **Jumlah / *Total*** | **155** | **1,550** | **6** | **2,250** |



# BAHAGIAN D / *PART D*

Pencapaian Aktiviti Staff / *Staff Activity Highlights*

# Pencapaian Aktiviti Staf
# *Staff Activity Highlights*




## PUSTAKA NAIB JOHAN DART BERPASUKAN MAKSAK SARAWAK 2011

Kelab Sukan dan Rekreasi (KSR) KSR Pustaka telah melakar satu lagi sejarah apabila meraih naib johan pertandingan dart antara kelab gabungan MAKSAK anjuran Majlis Sukan Dan Kebajikan Kastam Diraja Malaysia Cawangan Sarawak yang berlangsung pada 6 - 8 Mei 2011. Pertandingan tersebut diadakan di bangunan baru Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Petra Jaya dan telah disertai sebanyak 26 pasukan. Pada perlawanan akhir tersebut, KSR Pustaka telah dikalahkan oleh wakil tuan rumah iaitu pasukan KASTAM 'A' yang sekaligus muncul juara kejohanan pada 2011. Pasukan KASTAM 'A' membawa pulang sebuah piala dan wang tunai sebanyak RM 300.00, manakala KSR Pustaka membawa pulang sebuah piala dan wang tunai sebanyak RM 200.00. Pasukan Radio Televisyen Malaysia pula meraih tempat ketiga yang turut membawa pulang sebuah piala dan wang tunai RM 100.00. Kejayaan KSR Pustaka merangkul Naib johan pada tahun ini telah memperbaiki pencapaian tahun 2010 yang mana KSR Pustaka telah mendapat tempat ketiga keseluruhan.

## *PUSTAKA EMERGED FIRST RUNNER-UP IN THE SARAWAK MAKSAK TEAM DART CHAMPIONSHIP 2011*

*Pustaka Sport and Recreation Club (SRC) created its OWN history by capturing the first runner-up spot of the Sarawak MAKSAK Team Dart Championship 2011 organized by the Council for Sports and Welfare of the Department of Royal Malaysian Customs, Sarawak Branch on 6 - 8 May 2011. 26 competing teams participated in the championship, which was held at the Royal Malaysian Customs's office in Petra Jaya, Kuching. During the final, Pustaka SRC went down to KASTAM A, which eventually emerged as the 2011 champion. KASTAM A won a trophy and prize money of RM300.00, while Pustaka SRC brought home a trophy and prize of RM200.00. The third spot was won by a team from Radio Televisyen Malaysia. The team won a trophy and prize money of RM100.00. For Pustaka SRC, winning the second spot of the championship in 2011 was a big improvement in performance since it only managed to win the third prize in 2010.*




## CIPTAAN LAGU 5S PUSTAKA

Bersempena dengan Minggu Inovasi Pustaka Negeri Sarawak 2011, Mohd. Abdullah Hamdan dan Norzihan Abdullah telah diumumkan sebagai pemenang kategori mencipta lagu 5S Pustaka Negeri Sarawak. Lagu 5S Pustaka yang turut dinyanyikan oleh mereka sendiri dan rakan setugas Suhaimi Bemban telah dirakam secara profesional pada 31 Mei 2011 di Studio B, Radio Televisyen Malaysia, Sarawak. Dengan bimbingan J.S Dean selaku penggubah muzik dan Md. Dadi Rafaiee selaku Penerbit, lagu 5S Pustaka berjaya dirakamkan dan disiapkan pada hari yang sama.

## *COMPOSITION OF PUSTAKA 5S SONG*

*Mohd. Abdullah Hamdan dan Norzihan Abdullah were declared winner of the Pustaka 5S Song Composition Competition. The song, sung by the composer themselves and another colleague Suhaimi Bemban was professionally recorded at Radio Televisyen Malaysia, Sarawak on 31 Mei 2011. With the guidance of J.S. Dean, the music arranger, and MD. Dadi Rafaiee, the producer, the recording of the song was successfully completed on the same day.*

**Lagu 5S Pustaka**

Persekitaran Kondusif Kerja Efektif
Yang kami utamakan
Untuk menjadi pustaka yang dibanggakan
Agar terkenal seluruh dunia

Dengan tekad untuk berjaya
Mencapai impian yang sama
Mengamalkan sebagai budaya Oooo

*Korus*
Satu semangat satu komitmen
Yang kami laksanakan
Untuk menjadi Pustaka yang gemilang

Lima S Pustaka ke arah kerja berkualiti
Pustaka amalkan
Selesa, kami utamakan

Komposer / *Composer* : Mohd Abdullah Hamdan
Lirik / *Lyric* : Norzihan Abdullah
Gubahan Muzik / *Music Arrangement* : J.S. Dean
Rakaman & Adunan Muzik / *Recording & Dubbing* : J.S. Dean & Md. Dadi Rafaiee
Penerbit / *Producer* : Md. Dadi Rafaiee
Penyanyi / *Sung By* : Mohammad Abdullah Hamdan, Norzihan Abdullah, Suhaimi Bemban dan J.S. Dean






MINGGU INOVASI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Untuk meningkatkan kesedaran warga Pustaka dan orang awam mengenai inisiatif Pustaka ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan, Pustaka telah mengadakan Minggu Inovasi yang diadakan selama 5 hari. Ia dimulakan dengan Hari Bersih pada 14 November 2011, Hari Sihat pada 15 November 2011, Hari Ilmu pada 16 November 2011, Hari Cergas pada 17 November 2011 dan diakhiri dengan Hari Penutupan pada 18 November 2011. Pada Hari Bersih, Staf Pustaka mengadakan gotong royong di sekitar premis dan kawasan taman Pustaka, manakala pemeriksaan kesihatan dan kempen derma darah oleh Pusat Pakar Perubatan Normah serta Jualan Produk Kesihatan oleh Herba Life diadakan pada Hari Sihat. Pada Hari Ilmu, satu ceramah bertajuk "Love Your Car" oleh Zaiwin Kassim dari Pro Auto Care Centre memberi penerangan tentang ciri-ciri dan petua keselamatan jalan raya dan panduan memandu dengan selamat terutama sekali untuk pemandu wanita diikuti dengan bengkel "make-up" oleh "make-up artist" yang tidak asing lagi di Bandaraya Kuching, Aziz Rambili. Beliau telah memberi panduan penggunaan "make-up" yang sesuai dan ringkas untuk ke pejabat dan majlis makan malam. Hari Cergas pula dimulakan dengan "dance aerobic" dan diikuti aktiviti sukan berkumpulan anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Pustaka. Hari terakhir iaitu Hari Penutup yang diadakan pada hari Jumaat, dimulakan dengan kata amanat dari Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka. Antara pengisian pada majlis tersebut ialah, penyampaian hadiah kepada pemenang Amalan 5S, Slogan Q, Cadangan Q, Pelancaran i-Corner Kiosk, Notis ICC dan penyampaian sijil penyertaan kepada ahli Key Focus Activities (KFA) 2010. Apa yang menarik adalah, siaran secara langsung menerusi Webinar diadakan bersama staf Pustaka Miri dan penyampaian hadiah Amalan 5S diadakan secara maya yang disampaikan oleh Cik Salina Zawawi selaku Jawatankuasa Penggerak Kualiti 5S merangkap Pengurus Wilayah Pustaka Miri. Majlis turut dihiburkan oleh Kumpulan Nyanyian 1 Pustaka dengan 3 buah lagu, iaitu "Kualiti Teras Kejayaan", "5S Pustaka" dan "1 Malaysia". Cadangan Q 2011 dimenangi oleh Puan Ismewatti Narawi iaitu "Semua Staf Diwajibkan Mengguna Baju Korporat Pada Setiap Hari Rabu" manakala Slogan Q 2011 iaitu "Kualiti dan Inovasi Peneraju Perkhidmatan Cemerlang" dimenangi oleh Encik Mohd. Aidiq Aidi. Bahagian Perhubungan Awam dan Pemasaran turut membuka Kaunter Hari Bersama Pelanggan di lobi pada sepanjang minggu tersebut. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah penjualan produks Siri Sarawakiana, pameran dan jualan buku mendiang Ho Ah Choon. Selain daripada itu, pengunjung juga berpeluang menerima pelbagai cenderamata menarik dan eksklusif dari Pustaka apabila menjawab kuiz - kuiz yang diberikan.

### *PUSTAKA NEGERI SARAWAK'S INNOVATION WEEK*

*To increase Pustaka staff's and public awareness on Pustaka initiatives towards quality service, the Innovation Week was held for 5 consecutive days, from 14 November 2011 untill 18 November with daily themes. The first day was called "Hari Bersih"; the seconday, "Hari Sihat; the third. "Hari Ilmu; the fourth. "Hari Cergas and the last day, "Hari Penutupan". During "Hari Bersih", staff of Pustaka did spring cleaning in the park and around the premise, while during "Hari Sihat", there were medical check-ups conducted by Normah Medical Specialist Centre and sales of health products by Herbal Life. Hari Ilmu was filled with a talk enttitled "Love Your Car" by Zaiwin Kassim from Pro Auto Care Centre and a workshop on facial make-up by Aziz Rambili. During the workshop, participants were taught about the suitability of facial make-ups for ifferent occasions. A dance aerobic session kick-started the "Hari Cergas", followed by group sport activities arranged by Pustaka SRC. The closing of program was done on "Hari Penutupan", which was graced by the Acting Chief Executive Officer of Pustaka, Encik Japri Bujang Masli. On that day, the prize giving ceremony was held for the winners of 5S, Q Slogan, Q Suggestions; the offical launch of i-Corner Kiosk, ICC Notice; and presentation of certificate of attendance to 2010 Key Focus Activity (KFA) members. The program was telecasted live to Pustaka Miri and vice versa via Webinar, enabling Cik Salina Zawawi, Innovation Committee (5S) and Regional Manager of Pustaka Miri, to virtually present the 5S prizes. 1 Pustaka choir added excitement to the program by singing 3 songs, i.e, "Kualiti Teras Kejayaan", "5S Pustaka" and "1 Malaysia". Puan Ismewatti Hj Narawi's suggestion "Semua Staf Diwajibkan Mengguna Baju Korporat Pada Setiap Hari Rabu" won the Q Suggestion for 2011, while Encik Mohd. Aidiq Aidi won the Q Slogan 2011 with his slogan "Kualiti dan Inovasi Peneraju Perkhidmatan Cemerlang". During the 5-day event, the Public Relations and Marketing Division held the Customer Day at the lobby. Activities organized for the public included sales of Sarawakiana Series products, exhibition and sales of books of the late Ho Ah Choon. Visitors who completed the quizzes held were given attractive and exclusive Pustaka's souvenirs.*

### PEMENANG-PEMENANG 5S / *WINNERS OF 5S*

**Pustaka Negeri Sarawak**

Juara Zon / *Champion of Zone* : Kumpulan 5 Star (Zon Neptun)
Zon Harapan / *Most Promising Zone* : Kumpulan Rafflesia (Zon Uranus) dan D' Antz (Zon Neptun)

**Pustaka Miri**

Juara Zon / *Champion of Zone* : Zon Bumi
Zon Harapan / *Most Promising Zone* : Zon Utarid
Juara Individu / *Individual Champion* : Abdul Aziz Kassim
Individu Harapan / *Most Promising Individual* : Suzanna Abdullah dan Fariza Salleh
Loker Terbaik / *The Best Locker* : Khuzainah Khalid
Sudut 5S Terbaik / *The Best 5S Corner* : Zon Utarid



# BAHAGIAN E / *PART E*

Penyata Kewangan / *Financial Statements*

**PENYATA KEWANGAN**

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

**BAGI TAHUN BERAKHIR**

**31 DISEMBER 2011**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN YANG BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

### KANDUNGAN


| Bil | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1 | SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN | 1 |
| 2 | PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB | 2 |
| 3 | PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN | 3 |
| 4 | PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN | 4 |
| 5 | SIJIL KETUA AUDIT NEGARA | 5 |
| 6 | LEMBARAN IMBANGAN | 6 |
| 7 | PENYATA PENDAPATAN | 7 |
| 8 | PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI | 8 |
| 9 | PENYATA ALIRAN TUNAI | 9 |
| 10 | NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN | 10 – 18 |

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

| | | |
|---|---|---|
| **PENGERUSI** | : | YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo |
| **TIMBALAN PENGERUSI** | : | YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Abdul Ghani<br>Setiausaha Kerajaan Negeri |
| **AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN** | : | YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen<br>Universiti Teknologi Mara, Sarawak. |
| | : | YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar<br>Ketua Pengarah<br>Perpustakaan Negara Malaysia |
| | : | YBhg. Prof. Dr. Fatimah Abang |
| | : | Cik Lucy Wong Mee Ling |
| | : | Encik Sunny P.H. Si |

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

| | | |
|---|---|---|
| **Ketua Pegawai Eksekutif** | : | Encik Japri Bujang Masli<br>Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif |
| **Alamat Berdaftar** | : | Jalan Pustaka<br>Off Jalan Stadium<br>Petra Jaya<br>93050 Kuching<br>Sarawak |
| **Juruaudit** | : | Ketua Audit Negara |
| **Bank Utama** | : | RHB (Malaysia) Berhad<br>Jalan Kulas<br>93400 Kuching |

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

Kami, **TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAMID BUGO** dan **PROF. DR. ABDUL RAHMAN DEEN** yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK** pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

**Bagi pihak Lembaga Pengurusan,**

**TAN SRI DATUK AMAR (DR) HAMID BUGO**
**Pengerusi**
**Lembaga Pengurusan**

**KUCHING, SARAWAK.**
**Tarikh:** 27 MAR 2012

**Bagi pihak Lembaga Pengurusan,**

**PROF. DR. ABDUL RAHMAN DEEN**
**Ahli**
**Lembaga Pengurusan**

**KUCHING, SARAWAK.**
**Tarikh:** 27 MAR 2012

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **JAPRI BUJANG MASLI** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PUSTAKA NEGERI SARAWAK**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

**Sebenarnya dan sesungguhnya**
**diakui oleh penama di atas**
**di KUCHING, SARAWAK**
**pada......haribulan...........2012**

14 MAR 2012

............................................

**Di hadapan saya,**

HAJAH FATIMAH BT. ABON
No. A-Q047
Pesuruhjaya Sumpah,
Mahkamah Tinggi,
Jabatan Kehakiman, Kuching,
Sarawak, Malaysia.

..........................................

**PESURUHJAYA SUMPAH**

PESURUHJAYA SUMPAH
No. A-Q 047
HJH. FATIMAH BT. ABON
MAHKAMAH TINGGI
KUCHING, SARAWAK

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TOIEYAH BINTI HJ. TIOH)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING
TARIKH: 29 JUN 2012

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

| | Nota | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Loji dan peralatan | 4 | 524,259 | 534,637 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 5 | 22,600,896 | 12,148,601 |
| Penghutang dan prabayaran | 6 | 578,119 | 603,230 |
| | | 23,179,015 | 12,751,831 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang | 7 | 3,359,601 | 2,921,778 |
| **ASET BERSIH SEMASA** | | 19,819,414 | 9,830,053 |
| | | 20,343,673 | 10,364,690 |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | |
| **SURPLUS TERKUMPUL** | | 7,598,161 | 8,627,110 |
| **GERAN PEMBANGUNAN** | 8 | 12,745,512 | 1,737,580 |
| | | 20,343,673 | 10,364,690 |

**Nota-nota pada muka surat 10 – 18 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

| | Nota | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil kendalian | **9** | 75,246 | 91,627 |
| Lain-lain hasil | **10** | 736,286 | 502,560 |
| Geran Kerajaan Negeri | | 13,682,000 | 13,682,000 |
| Kos pekerja | **11** | (4,841,062) | (4,463,457) |
| Susutnilai | | (182,896) | (152,929) |
| Lain-lain kos operasi | **12** | (10,498,523) | (8,741,356) |
| Surplus/(Defisit) bersih daripada operasi | | (1,028,949) | 918,445 |

**Nota-nota pada muka surat 10 – 18 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

| | Nota | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil kendalian | **9** | 75,246 | 91,627 |
| Lain-lain hasil | **10** | 736,286 | 502,560 |
| Geran Kerajaan Negeri | | 13,682,000 | 13,682,000 |
| Kos pekerja | **11** | (4,841,062) | (4,463,457) |
| Susutnilai | | (182,896) | (152,929) |
| Lain-lain kos operasi | **12** | (10,498,523) | (8,741,356) |
| Surplus/(Defisit) bersih daripada operasi | | (1,028,949) | 918,445 |

**Nota-nota pada muka surat 10 – 18 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

| | Geran Pembangunan RM | Lebihan Terkumpul RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| **Pada 1 Januari 2011** | **1,737,580** | **8,627,110** | **10,364,690** |
| Diterima dalam tahun semasa | 12,810,000 | - | 12,810,000 |
| Dibelanja dalam tahun semasa | (1,802,068) | - | (1,802,068) |
| Defisit bersih untuk tahun semasa | - | (1,028,949) | (1,028,949) |
| **Pada 31 Disember 2011** | **12,745,512** | **7,598,161** | **20,343,673** |
| **Pada 1 Januari 2010** | **1,740,816** | **7,708,665** | **9,449,481** |
| Diterima dalam tahun semasa | 3,000,000 | - | 3,000,000 |
| Dibelanja dalam tahun semasa | (3,003,236) | - | (3,003,236) |
| Surplus bersih untuk tahun semasa | - | 918,445 | 918,445 |
| **Pada 31 Disember 2010** | **1,737,580** | **8,627,110** | **10,364,690** |

**Nota-nota pada muka surat 10 – 18 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

| | Nota | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Surplus dari operasi | | (1,028,949) | 918,445 |
| Pelarasan untuk: | | | |
| Susutnilai | | 182,896 | 152,929 |
| Kerugian/(Keuntungan) daripada loji & peralatan yang dilupuskan | | 930 | 5 |
| ***Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja*** | | ***(845,123)*** | ***1,071,379*** |
| Tambahan dalam penghutang | | 25,111 | 184,618 |
| (Kurangan)/Tambahan dalam pemiutang | | 437,823 | (319,619) |
| ***Tunai bersih (digunakan dalam)/dari aktiviti operasi*** | | **(382,189)** | **936,378** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Pembelian loji dan peralatan | | (173,448) | (207,322) |
| Perbelanjaan pembangunan | | (1,802,068) | (3,003,236) |
| ***Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan*** | | **(1,975,516)** | **(3,210,558)** |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | |
| Geran Pembangunan diterima | | 12,810,000 | 3,000,000 |
| ***Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan*** | | **12,810,000** | **3,000,000** |
| **(Pengurangan)/Pertambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai** | | **10,452,295** | **725,820** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | | **12,148,601** | **11,422,781** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **5** | **22,600,896** | **12,148,601** |

**Nota-nota pada muka surat 10 – 18 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

### 1. AKTIVITI UTAMA

Dibawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)" Pustaka Negeri Sarawak berperanan seperti berikut:-

(a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.

(b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.

(c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.

(d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat diperingkat nasional dan antarabangsa.

(e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.

### 2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi disamping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut "*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*". Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

#### (a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2011. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

**(b) Risiko Kecairan**

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

**(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi *Private Entity Accounting Standards* yang digunapakai oleh *Malaysian Accounting Standard Board* (MASB).

**(b) Buku Perpustakaan**

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

**(c) Loji Dan Peralatan**

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Susutnilai diperuntukan mengikut kaedah-kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta disepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susutnilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah lebih tinggi dari harga jualan aset bersih dan amaun yang digunakan.

Kadar–kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Kelengkapan Pejabat | 20% |
| Perabot & Peralatan | 10% |
| Komputer & Aksesori | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Pengubahsuaian Bangunan | 10% |

**(d) Geran Operasi**

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti-aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

**(e) Geran Pembangunan**

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Geran Pembangunan.

**(f) Cukai Tertangguh**

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertangguh disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertangguh didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

**(g) Kemudahan Kakitangan**

**Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira didalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

**Pelan caruman tetap**

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan didalam tempoh dimana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan didalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

## 4. LOJI DAN PERALATAN

| Tahun 2011 | Kelengkapan Pejabat (RM) | Perabot & Peralatan (RM) | Komputer & Eksesori (RM) | Kenderaan (RM) | Pengubahsuaian Bangunan (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos | | | | | | |
| Pada 1.1.2011 | 964,632 | 310,860 | 110,634 | 272,060 | 13,000 | 1,671,186 |
| Tambahan | 72,374 | 65,990 | 4,980 | - | 30,105 | 173,449 |
| Pelupusan | (5,557) | (950) | - | (2,230) | - | (8,737) |
| Pada 31.12.2011 | 1,031,449 | 375,900 | 115,614 | 269,830 | 43,105 | 1,835,898 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | |
| Pada 1.1.2011 | 725,795 | 171,090 | 108,411 | 119,553 | 11,700 | 1,136,549 |
| Tambahan | 95,604 | 31,096 | 1,504 | 51,386 | 3,306 | 182,896 |
| Pelupusan | (4,628) | (949) | - | (2,229) | - | (7,806) |
| Pada 31.12.2011 | 816,771 | 201,237 | 109,915 | 168,710 | 15,006 | 1,311,639 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | |
| Pada 31.12.2011 | 214,678 | 174,663 | 5,699 | 101,120 | 28,099 | 524,259 |

| Tahun 2010 | Kelengkapan Pejabat (RM) | Perabot & Peralatan (RM) | Komputer & Eksesori (RM) | Kenderaan (RM) | Pengubahsuaian Bangunan (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos | | | | | | |
| Pada 1.1.2010 | 904,405 | 279,255 | 110,634 | 173,850 | 13,000 | 1,481,144 |
| Tambahan | 75,257 | 33,855 | - | 98,210 | - | 207,322 |
| Pelupusan | (15,030) | (2,250) | - | - | - | (17,280) |
| Pada 31.12.2010 | 964,632 | 310,860 | 110,634 | 272,060 | 13,000 | 1,671,186 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | |
| Pada 1.1.2010 | 657,089 | 146,125 | 106,020 | 81,261 | 10,400 | 1,000,895 |
| Tambahan | 83,732 | 27,214 | 2,391 | 38,292 | 1,300 | 152,929 |
| Pelupusan | (15,026) | (2,249) | - | - | - | (17,275) |
| Pada 31.12.2010 | 725,795 | 171,090 | 108,411 | 119,553 | 11,700 | 1,136,549 |
| Nilai Buku Bersih | | | | | | |
| Pada 31.12.2010 | 238,837 | 139,770 | 2,223 | 152,507 | 1,300 | 534,637 |

**Semua loji dan peralatan yang dibeli dan diserahkan kepada Pustaka oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan agensi nya tidak diambil kira dalam penyata kewangan di atas kecuali yang di beli oleh Pustaka Negeri Sarawak sahaja.**

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Wang tunai | 5,594 | 1,532 |
| Tunai di bank | 542,366 | 595,358 |
| Simpanan tetap di bank berlesen | 22,052,936 | 11,551,711 |
| **Jumlah** | **22,600,896** | **12,148,601** |

## 6. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Penghutang | 148,267 | 69,343 |
| Prabayaran : | | |
| Insuran | 159,537 | 142,920 |
| "On-line Database" | 216,324 | 336,881 |
| Lain-lain prabayaran | 53,991 | 54,086 |
| **Jumlah** | **578,119** | **603,230** |

## 7. PEMIUTANG

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Lain-lain pemiutang | 2,315,121 | 1,494,460 |
| Deposit dan wang tahanan | 1,044,480 | 1,427,318 |
| **Jumlah** | **3,359,601** | **2,921,778** |

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

## 8. GERAN PEMBANGUNAN

| | Tahun 2011 | Baki 1.1.2011 (RM) | Terimaan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki 31.12.2011 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| (a) | Latihan & Pembangunan Sumber Manusia | 110,193 | 250,000 | 358,561 | 1,632 |
| (b) | Pembangunan Koleksi Am | 1,062,103 | 2,000,000 | 1,073,006 | 1,989,097 |
| (c) | Aktiviti dan program arkib | 185 | - | - | 185 |
| (d) | Kajian "Preliminary" operasi arkib | 6,903 | - | - | 6,903 |
| (e) | Bangunan Arkib Negeri/Pemiliharaan | 14,439 | - | 14,197 | 242 |
| (f) | P'bangun koleksi Am Perpustakaan Awam | 27,776 | - | - | 27,776 |
| (g) | Pembangunan Taman Awam & Lanskap | 515,981 | 300,000 | 269,737 | 546,244 |
| (h) | Pustaka Sibu | - | 10,000,000 | 4,745 | 9,995,255 |
| (i) | Pemiliharaan Bahan-bahan arkib & program | - | 260,000 | 81,822 | 178,178 |
| | Jumlah | 1,737,580 | 12,810,000 | 1,802,068 | 12,745,512 |

| | Tahun 2010 | Baki 1.1.2010 (RM) | Terimaan (RM) | Perbelanjaan (RM) | Baki 31.12.2010 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| (a) | Latihan & Pembangunan Sumber Manusia | 202,143 | 350,000 | (441,950) | 110,193 |
| (b) | Pembangunan Koleksi Am | 534,131 | 2,000,000 | (1,472,028) | 1,062,103 |
| (c) | Aktiviti dan program arkib | 11,220 | - | (11,035) | 185 |
| (d) | Kajian "Preliminary" operasi arkib | 16,846 | - | (9,943) | 6,903 |
| (e) | Bangunan Arkib Negeri/Pemiliharaan | 749,038 | 250,000 | (984,599) | 14,439 |
| (f) | P'bangun koleksi Am Perpustakaan Awam | 27,776 | - | - | 27,776 |
| (g) | Pembangunan Taman Awam & Lanskap | 199,662 | 400,000 | (83,681) | 515,981 |
| | Jumlah | 1,740,816 | 3,000,000 | (3,003,236) | 1,737,580 |

## 9. HASIL KENDALIAN

| | 2011 RM | 2010 RM |
|---|---|---|
| Yuran keahlian dan tahunan | 71,248 | 85,766 |
| Servis maklumat niaga | 3,998 | 5,861 |
| Jumlah | 75,246 | 91,627 |

## 10. LAIN-LAIN HASIL

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Denda | 16,886 | 19,963 |
| Auditorium | 69,900 | 43,255 |
| Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan | 70,704 | 52,128 |
| Galeri pameran | 29,800 | 37,000 |
| Kafeteria dan kedai buku | 27,015 | 35,540 |
| Faedah dari simpanan | 382,045 | 218,301 |
| Lain-lain hasil | 139,936 | 96,373 |
| **Jumlah** | **736,286** | **502,560** |

## 11. KOS PEKERJA

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Gaji dan elaun | 4,076,539 | 3,770,667 |
| KWSP | 497,586 | 480,223 |
| PERKESO | 10,100 | 7,700 |
| Pakaian Seragam | 34,479 | 22,561 |
| Perubatan | 117,352 | 77,832 |
| Subsidi | 105,006 | 104,474 |
| **Jumlah** | **4,841,062** | **4,463,457** |
| **Bilangan kakitangan** | **148 orang** | **148 orang** |

## 12. LAIN-LAIN KOS OPERASI

| | 2011<br>RM | 2010<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Ahli Lembaga Pengurusan | 29,640 | 29,480 |
| Letrik | 1,065,606 | 929,453 |
| Air | 41,873 | 41,158 |
| Pengawal keselamatan | 561,351 | 534,886 |
| Telefon | 90,705 | 86,794 |
| Perbelanjaan pejabat | 432,074 | 410,810 |
| Pencetakan | 138,176 | 113,890 |
| *Security System tag* | 102,000 | 97,388 |
| Pembersihan bangunan | 219,171 | 210,679 |
| Keraian dan jamuan awam | 96,314 | 79,127 |
| Insuran | 250,905 | 249,999 |
| Perhubungan awam & pemasaran | 98,274 | 94,381 |
| Pengangkutan dan perjalanan | 249,536 | 249,870 |
| Penyelenggaraan bangunan | 2,144,199 | 738,706 |
| Latihan | 247,898 | 249,434 |
| *Online Database* | 505,001 | 544,194 |
| Majalah dan Jurnal | 372,415 | 341,390 |
| Sewa | 31,917 | 26,540 |
| Yuran professional | 9,280 | 8,570 |
| Perbelanjaan *"BIS"* | 12,477 | 13,451 |
| Servis komunikasi awam | 58,172 | 54,261 |
| Honorarium | 11,359 | 9,604 |
| Yuran audit | 3,019 | 2,985 |
| Penyelenggaraan koleksi | 42,586 | 73,441 |
| Kempen membaca | 187,463 | 187,399 |
| *Legal Deposit* | 103,994 | 59,054 |
| *Outreach programme* | 58,401 | 61,531 |
| Penyelenggaraan taman & landskap | 358,129 | 371,960 |
| *Leasing of multimedia computers* | 57,784 | 146,810 |
| *Angkasa Library System - Maintanance* | 110,000 | 103,031 |
| *Sup & Maint. Of Platform Equip..* | 200,000 | 290,241 |
| *Support & Maint.of wireless LAN* | 100,000 | 65,695 |
| *Maint. Union Catalogue Sarawak* | 168,423 | 166,835 |
| Penyelenggaraan perpustakaan desa | 128,819 | 183,718 |
| *ICT professional services* | 210,000 | 195,774 |
| *Angkasa Library Syst.* Perpustakaan Awam | 274,216 | 128,100 |
| Lain-lain perbelanjaan | 1,727,346 | 1,590,717 |
| **Jumlah** | **10,498,523** | **8,741,356** |

## 13. PERCUKAIAN

**Peruntukan cukai**

Kementerian Kewangan dibawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

**Cukai tertangguh**

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertangguh.

## 14. ANGKA PERBANDINGAN

Pembentangan dan pengkelasan angka perbandingan bagi penyata kewangan tahun semasa adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya.

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK**
**(SARAWAK STATE LIBRARY)**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944

ISSN No. 1675-5693